



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018

PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

**Muka Surat**

<b>PENDAHULUAN</b>	<b>ix</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>xiii</b>

## **BAHAGIAN I**

### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

<b>1.</b>	Pengesahan Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	<b>3</b>
-----------	---	----------

## **BAHAGIAN II**

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

<b>2.</b>	Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan	<b>9</b>
-----------	--	----------

<b>PENUTUP</b>	<b>77</b>
----------------	-----------

<b>AKRONIM</b>	<b>81</b>
----------------	-----------

## **LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN 1</b>	- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	<b>85</b>
-------------------	---	-----------

<b>LAMPIRAN 2</b>	- Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	<b>89</b>
-------------------	---	-----------





# PENDAHULUAN



# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Objektif pengauditan penyata kewangan ini ialah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 mengandungi perkara seperti berikut:

**Bahagian I :**      **Pengesahan**      **Penyata**      **Kewangan**      **Kerajaan**  
**Persekutuan**      **Bagi**      **Tahun**      **Berakhir**  
**31 Disember 2018**

**Bahagian II :**      **Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan**

3. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 16 April 2019. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**4.** Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara serta jabatan lain yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**03 Oktober 2019**



## RINGKASAN EKSEKUTIF



# RINGKASAN EKSEKUTIF

## Perkara Utama

### Apa yang diaudit

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5.(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

### Mengapa ia penting untuk diaudit

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

### Apa yang ditemui Audit?

#### Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

- Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

- ***Emphasis of Matter***

- Tanpa menjelaskan pendapat Audit, perhatian perlu diberikan terhadap Nota 5(b) kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 berkaitan dengan bayaran balik pinjaman yang dijamin kepada lima (5) syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berjumlah RM2.839 bilion. Jaminan Kerajaan terhadap pinjaman yang diperoleh lima (5) syarikat berjumlah RM76.075 bilion telah diluluskan sebelum tahun 2018 oleh Pentadbiran terdahulu. Setakat 31 Disember 2018, pinjaman ini masih berbaki RM66.341 bilion yang akan matang sehingga tahun 2041 kecuali satu pinjaman berbaki RM94.38 juta yang akan tamat pada tahun 2019.
- Pada tahun 2018, Kerajaan telah mendahulukan sebahagian bayaran balik pinjaman yang dijamin dan matang berjumlah RM2.839 bilion bagi pihak syarikat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, RM1.753 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran terdahulu manakala sejumlah RM1.086 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran semasa. Pentadbiran semasa telah meneruskan komitmen ini bagi mengelakkan *event of default* yang boleh mengakibatkan obligasi bayaran balik keseluruhan pinjaman oleh Kerajaan. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, syarikat mempunyai obligasi untuk membuat bayaran balik kepada Kerajaan keseluruhan bayaran yang telah didahulukan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, keupayaan kelima-lima syarikat untuk membayar balik pendahuluan yang telah diberi tidak dapat dipastikan.
- Memandangkan Kerajaan diberi kuasa untuk memberikan jaminan pinjaman di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, maka satu dasar perlu ditetapkan merangkumi had siling jaminan Kerajaan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan keupayaan kewangan syarikat serta daya maju projek yang akan dibiayai oleh syarikat. Dasar ini boleh membantu dalam mengawal penambahan bebanan hutang Kerajaan Persekutuan.

- Hasil
  - Pada tahun 2018, Kerajaan Persekutuan memperoleh hasil berjumlah RM232.883 bilion iaitu meningkat sejumlah RM12.476 bilion (5.7%) berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM220.406 bilion.
  - Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai (RM174.061 bilion atau 74.7%), hasil bukan cukai (RM51.118 bilion atau 22%), terimaan bukan hasil (RM6.213 bilion atau 2.7%) dan hasil Wilayah Persekutuan (RM1.491 bilion atau 0.6%).
  - Semua kategori hasil menunjukkan peningkatan kecuali hasil cukai. Hasil cukai pada tahun 2018 berjumlah RM174.061 bilion (2017: RM177.659 bilion), menurun sejumlah RM3.598 bilion atau 2% akibat pengenaan GST pada kadar 0% mulai Jun hingga Ogos 2018 dan seterusnya pemansuhan GST mulai September 2018.
  - Hasil bukan cukai pada tahun 2018 adalah berjumlah RM51.118 bilion iaitu meningkat RM11.598 bilion atau 29.3%. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh hasil faedah dan pulangan daripada pelaburan yang bertambah sebanyak RM10.251 bilion.
- Perbelanjaan Mengurus
  - Waran Am Bil. 1 Tahun 2018 telah dikeluarkan bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM234.250 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM4.271 bilion iaitu melalui peruntukan agihan semula berjumlah RM3.065 bilion disebabkan penstrukturran semula Kementerian dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM1.206 bilion. Dalam tempoh yang sama, waran penyekatan peruntukan juga telah dikeluarkan berjumlah RM6.080 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM232.441 bilion.
  - Perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah berjumlah RM230.960 bilion (99.4%). Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM114.144 bilion (49.4%), emolumen berjumlah RM79.989 bilion (34.6%) dan perkhidmatan dan bekalan RM35.282 bilion (15.3%).

- Perbelanjaan Pembangunan
  - Secara keseluruhan perbelanjaan pembangunan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang telah dibelanjakan adalah RM56.095 bilion (126.1%) daripada peruntukan yang diluluskan.
  - Sejumlah RM67.12 juta peruntukan yang diluluskan bagi 15 projek melibatkan lapan (8) kementerian/jabatan tidak dibelanjakan langsung.
  - Enam (6) kementerian/jabatan telah membuat tambahan peruntukan berjumlah RM17.93 juta bagi membiayai sembilan (9) projek. Bagaimanapun, tambahan peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar adalah kurang daripada peruntukan asal.
- Defisit Dan Pinjaman
  - Kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM53.385 bilion atau 3.7% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman berjumlah RM131.599 bilion, yang mana pinjaman dalam negeri adalah RM131.564 bilion (99.9%) dan luar negeri berjumlah RM35.74 juta (0.1%).
  - Selain daripada menggunakan pinjaman ini untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM77.492 bilion daripada pinjaman tersebut telah juga digunakan untuk membayar balik hutang.
- Hutang Persekutuan
  - Pada akhir tahun 2018, Hutang Persekutuan berjumlah RM741.049 bilion (2017: RM686.837 bilion), meningkat 7.9% berbanding tahun 2017.
  - Peningkatan ini disebabkan pada tahun 2018, Kerajaan telah membuat pinjaman baharu berjumlah RM131.599 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM69.111 bilion (52.5%) dibuat oleh Pentadbiran terdahulu manakala RM62.488 bilion (47.5%) dibuat oleh Pentadbiran semasa. Sejumlah RM77.492 bilion (58.9%) daripada RM131.599 bilion tersebut digunakan bagi bayaran balik pinjaman yang matang.

- Kedudukan hutang Persekutuan terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM719.545 bilion atau 97.1% dan hutang luar negeri berjumlah RM21.504 bilion atau 2.9%. Hutang dalam negeri meningkat sejumlah RM53.973 bilion atau 8.1% manakala hutang luar negeri meningkat sejumlah RM0.239 bilion atau 1.1%.
  - Hutang Persekutuan yang dilaporkan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM242.969 bilion.
  - Komitmen Kewangan menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan yang terdiri daripada jaminan (RM164.908 bilion), pajakan (RM31.518 bilion), bayaran balik cukai (RM44.373 bilion) dan pampasan (RM2.170 bilion).
  - Kedudukan keseluruhan hutang awam dan komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan termasuk liabiliti inisiatif pembiayaan swasta sejumlah RM36.416 bilion dan pelbagai liabiliti sejumlah RM786.19 juta adalah berjumlah RM1.021 trilion.
- Perbelanjaan Kerana Hutang Negara
    - Perbelanjaan kerana hutang negara (faedah, dividen dan lain-lain kenaan bayaran) pada tahun 2018 adalah berjumlah RM30.547 bilion atau 13.2% daripada perbelanjaan mengurus. Bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk pembayaran balik prinsipal hutang pada tahun 2018 yang berjumlah RM77.492 bilion kerana tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus tetapi dibayar secara terus daripada Akaun Pinjaman Disatukan menggunakan pinjaman baharu yang diperoleh.
  - Kumpulan Wang Amanah Stor Dan Woksyop Tak Beruntuk
    - Sejumlah RM820 juta dana Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan (KWTPPPP) telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Amanah Stor Dan Woksyop Tak Beruntuk bagi membiayai perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan yang telah dibajetkan di bawah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan ini sepatutnya dicaj kepada Objek Sebagai 28000 bagi tiga (3) Kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

- Perbelanjaan ini adalah tidak selaras dengan tujuan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Stor dan Woksyop Tak Beruntuk.
- Pembayaran AP58(a)
  - Sejumlah RM1.338 bilion atau 55.7% daripada RM2.403 bilion yang dibayar di bawah AP58(a) pada tahun 2018 merupakan pembayaran yang tidak menepati syarat-syarat bayaran AP58(a) yang sepatutnya.
  - Pembayaran AP58(a) Tahun 2019 pula, pembayaran yang dibuat melibatkan enam (6) Kementerian atau Jabatan tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi bagi tahun 2018 tetapi masih membuat pembayaran di bawah AP58(a).
  - Selain itu, sehingga 15 Mei 2019, sejumlah RM255.43 juta telah dibayar oleh kementerian atau jabatan di bawah AP58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan tahun 2018 dan tahun sebelumnya. Didapati daripada bayaran tersebut sejumlah RM60.31 juta daripadanya adalah bayaran bagi bil dan tuntutan bulan Januari hingga November 2018.



A vertical black line descends from the top center towards the bottom, ending in a small black dot. To the left of this line, there is a large, stylized graphic element composed of overlapping blue and white triangles, creating a sense of depth and motion.

# BAHAGIAN I



# **BAHAGIAN I**

## **PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

### **1. PENGESAHAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

#### **1.1. PENDAHULUAN**

**1.1.1.** Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. **Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai.**

**1.1.2.** Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 16 April 2019. Tarikh penyerahan penyata kewangan ini lewat dua (2) bulan berbanding penyerahan penyata kewangan tahun 2017 pada 27 Februari 2018. Kelewatan ini antaranya disebabkan oleh penggantian tiga (3) sistem perakaunan sedia ada iaitu GFMAS, eSPKB dan eTerimaan kepada iGFMAS mulai 1 Januari 2018. Selain itu, peralihan pentadbiran kerajaan pada bulan Mei 2018 telah berlaku penyusunan semula melibatkan tujuh (7) kementerian dan penggabungan empat (4) kementerian.

**1.1.3.** Penyata kewangan ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.1.3.1.** Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan pula terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am.

**1.1.3.2.** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Manakala Aliran Tunai Keluar adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan luar negeri, bantuan luar negeri, perbelanjaan modal serta perbelanjaan amanah.

**1.1.3.3.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

**1.1.3.4.** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset kewangan Kerajaan terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

## **1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**1.2.1.** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan ini telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

**1.2.2.** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

### **1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

- 1.3.1.** Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

#### ***Emphasis of Matter***

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, perhatian perlu diberikan terhadap Nota 5(b) kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 berkaitan dengan bayaran balik pinjaman yang dijamin kepada lima (5) syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berjumlah RM2.839 bilion. Jaminan Kerajaan terhadap pinjaman yang diperoleh lima (5) syarikat berjumlah RM76.075 bilion telah diluluskan sebelum tahun 2018 oleh Pentadbiran terdahulu. Setakat 31 Disember 2018, pinjaman ini masih berbaki RM66.341 bilion yang akan matang sehingga tahun 2041 kecuali satu pinjaman berbaki RM94.38 juta yang akan tamat pada tahun 2019.

Pada tahun 2018, Kerajaan telah mendahulukan sebahagian bayaran balik pinjaman yang dijamin dan matang berjumlah RM2.839 bilion bagi pihak syarikat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, RM1.753 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran terdahulu manakala sejumlah RM1.086 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran semasa. Pentadbiran semasa telah meneruskan komitmen ini bagi mengelakkan *event of default* yang boleh mengakibatkan obligasi bayaran balik keseluruhan pinjaman oleh Kerajaan. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, syarikat mempunyai obligasi untuk membuat bayaran balik kepada Kerajaan keseluruhan bayaran yang telah didahulukan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, keupayaan kelima-lima syarikat untuk membayar balik pendahuluan yang telah diberi tidak dapat dipastikan.

Memandangkan Kerajaan diberi kuasa untuk memberikan jaminan pinjaman di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, maka satu dasar perlu ditetapkan merangkumi had siling jaminan Kerajaan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan keupayaan kewangan syarikat serta daya maju projek yang akan dibiayai

oleh syarikat. Dasar ini boleh membantu dalam mengawal penambahan bebanan hutang Kerajaan Persekutuan.

- 1.3.2.** Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disertakan bersama dengan Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti dalam Lampiran 1 dan 2.



## BAHAGIAN II



## **BAHAGIAN II**

# **ANALISIS KEWANGAN**

## **KERAJAAN PERSEKUTUAN**

### **1. LATAR BELAKANG**

Tanggungjawab Jabatan Audit Negara adalah untuk mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap maklumat data kewangan tahun 2018 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan bagi tujuan pengesahan maklumat kewangan. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

### **2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### **3. PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

#### **FAKTA PENTING**

<b>HASIL &amp; TERIMAAN LAIN</b> RM232.883 bilion	<b>PINJAMAN BAHRU</b> RM131.599 bilion
<b>BELANJA MENGURUS &amp; PEMBANGUNAN</b> RM287.055 bilion	<b>DEFISIT</b> 3.7% KDNK RM53.385 bilion

Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM232.883 bilion dan terimaan balik pinjaman serta pelbagai terimaan berjumlah RM0.788 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus adalah berjumlah

RM230.960 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM56.095 bilion. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM53.385 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.7%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM131.599 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga telah digunakan untuk membayar balik hutang sejumlah RM77.492 bilion. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1**  
**PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
<b>Hasil:</b>				
Hasil Cukai	174,060.59	177,658.50	-3,597.91	-2.0
Hasil Bukan Cukai	51,118.42	39,520.22	11,598.20	29.3
Teriman Bukan Hasil	6,212.81	1,976.50	4,236.31	214.3
Hasil Wilayah Persekutuan	1,490.74	1,250.78	239.96	19.2
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>232,882.56</b>	<b>220,406.00</b>	<b>12,476.56</b>	<b>5.7</b>
(+) Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	788.18	1,852.19	-1,064.01	-57.4
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>233,670.74</b>	<b>222,258.19</b>	<b>11,412.55</b>	<b>5.1</b>
<b>Perbelanjaan:</b>				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	230,960.49	217,695.19	13,265.30	6.1
Perbelanjaan Pembangunan	56,095.46	44,883.84	11,211.62	25.0
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>287,055.95</b>	<b>262,579.03</b>	<b>24,476.92</b>	<b>9.3</b>
<b>Lebihan/(Defisit)</b>	<b>-53,385.21</b>	<b>-40,320.84</b>	<b>13,064.37</b>	<b>32.4</b>
<b>Nisbah Defisit Kepada KDNK</b>	<b>3.7%</b>	<b>3.0%</b>		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

#### 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

##### FAKTA PENTING

<b>AKAUN HASIL DISATUKAN:</b> RM11.863 bilion	<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN:</b> RM15.224 bilion	<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN:</b> RM25.823 bilion
--	---	---

4.1. Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM52.910 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan yang dipegang dalam bentuk wang tunai berjumlah RM23.648 bilion dan pelaburan berjumlah RM29.262 bilion. Analisis Audit mendapati, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan pengurangan yang ketara iaitu sejumlah RM18.258 bilion atau 54.5%, manakala Akaun Amanah Disatukan

menunjukkan peningkatan sejumlah RM28.984 bilion atau 916.9%. Akaun Hasil Disatukan pula tidak menunjukkan perbezaan kerana kesemua lebihan hasil dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM10.726 bilion atau 25.4% iaitu meningkat daripada RM42.184 bilion pada akhir tahun 2017 kepada RM52.910 bilion pada akhir tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.


**JADUAL 2.2**  
**KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	11,863.13	11,863.13	-	-
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	15,224.12	33,482.39	-18,258.27	-54.5
3.	Akaun Amanah Disatukan :	25,822.81	-3,161.09	28,983.90	916.9
	<i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	3,752.30	-23,541.44	27,293.74	115.9
	<i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	10,211.40	9,261.94	949.46	10.3
	<i>Akaun Deposit</i>	11,859.11	11,118.41	740.70	6.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>52,910.06</b>	<b>42,184.43</b>	<b>10,725.63</b>	<b>25.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun menunjukkan trend peningkatan kecuali bagi tahun 2016. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2018 disebabkan oleh peningkatan ketara dalam Akaun Amanah Disatukan daripada negatif RM3.161 bilion kepada RM25.823 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga tahun 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.1**.

**CARTA 2.1**  
**TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**  
**BAGI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

## 5. WANG AWAM

### FAKTA PENTING



#### TUNAI

2018: RM23.648 bilion  
2017: RM18.064 bilion

#### TUNAI DALAM:

**BANK:** RM22.213 bilion  
**PERJALANAN:** RM1.432 bilion  
**TANGAN:** RM2.87 juta


Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan. Pada akhir tahun 2018, wang awam adalah berjumlah RM52.910 bilion iaitu meningkat sejumlah RM10.726 bilion atau 25.4% berbanding pada akhir tahun 2017 yang berjumlah RM42.184 bilion. Jumlah wang awam pada akhir tahun 2018 merupakan jumlah yang tertinggi berbanding empat (4) tahun sebelumnya. Kedudukan wang awam pada akhir tahun 2018 berbanding pada akhir tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.3** dan jumlah wang awam bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti dalam **Carta 2.2**.

**JADUAL 2.3**  
**WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai	23,647.60	18,064.13	5,583.47	30.9
2.	Pelaburan	29,262.46	24,120.30	5,142.16	21.3
<b>JUMLAH</b>		<b>52,910.06</b>	<b>42,184.43</b>	<b>10,725.63</b>	<b>25.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 2.2**  
**WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

## 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Persekutuan yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan 7, Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

**JADUAL 2.4**  
**WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	22,212.75	16,663.52	5,549.23	33.3
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1,431.98	1,397.58	34.40	2.5
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	2.87	3.03	-0.16	-5.3
<b>JUMLAH</b>		<b>23,647.60</b>	<b>18,064.13</b>	<b>5,583.47</b>	<b>30.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

## 5.1.2. Wang Tunai Dalam Perjalanan

Analisis Audit mendapati berlakunya kelemahan dalam pelaporan Wang Tunai Dalam Perjalanan seperti berikut:

- Resit berjumlah RM0.43 juta di 16 kementerian atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri tidak dibatalkan dengan sempurna melalui pelarasan baucar jurnal. Perkara ini menyebabkan Wang Tunai Dalam Perjalanan serta terimaan telah terlebih nyata.
- Tujuh (7) transaksi berjumlah RM0.05 juta yang sepatutnya diakaunkan sebagai perbelanjaan amanah atau pemulangan deposit telah silap diakaunkan ke Wang Tunai Dalam Perjalanan. Perkara ini menyebabkan Wang Tunai Dalam Perjalanan telah terlebih nyata.

- c. Pelaporan Wang Tunai Dalam Perjalanan tidak mengambil kira wang tunai di bank yang belum diresitkan atau dikenal pasti pembayarnya. Perkara ini adalah tidak selaras dengan definisi Piawaian Perakaunan Kerajaan 7 – Wang Tunai. Amaun kredit di Penyata Bank tetapi belum diambil kira dalam Buku Tunai bagi tiga (3) pejabat perakaunan adalah berjumlah RM28.96 juta.

#### **Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 13 September 2019**

*Semua amaun kredit di Penyata Bank tetapi belum diambil kira dalam buku tunai bagi tiga (3) Pejabat Perakaunan tersebut telah dikenal pasti dan diperakaunkan ke kod sebenar pada 2019. Bagi memastikan wang tunai yang telah dimasukkan ke dalam akaun bank Pejabat Perakaunan pada akhir tahun kewangan diperakaunkan, JANM telah melaksanakan ketetapan supaya semua terimaan tidak dikenal pasti pada akhir tahun kewangan diperakaunkan ke Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan. Terimaan akan diselaraskan ke kod sebenar atau dipulangkan kepada pembayar setelah dikenal pasti pada tahun berikutnya.*

#### **5.1.3. Panjar Tiga Perduabelas**

- a. Panjar Tiga Perduabelas (3/12) adalah wang tunai yang diperuntukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi memudahkan perbelanjaan berkala luar negara dalam mata wang asing. Perbelanjaan Panjar 3/12 sebenar sahaja yang dipertanggungkan sebagai perbelanjaan muktamad. Panjar 3/12 disediakan bagi menampung perbelanjaan untuk tempoh tiga (3) bulan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri seperti Pesuruhjaya Tinggi atau Kedutaan, Pesuruhjaya Perdagangan, Jabatan Penuntut Malaysia, Jabatan Imigresen, Pejabat Konsular Pertanian, Pemungut Cukai Kastam Persekutuan Singapura dan Pejabat Penasihat Pendidikan Dan Latihan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya pematuhan pengurusan Panjar 3/12 adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat isu yang perlu diberi perhatian dan tindakan penambahbaikan selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Arahan Pembayaran berjumlah RM0.11 juta bagi 28 transaksi melibatkan tujuh (7) pejabat perwakilan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) diluluskan oleh pegawai yang juga menerima kutipan.
- ii. Pengeluaran cek bagi 58 transaksi berjumlah RM0.31 juta di empat (4) pejabat perwakilan di bawah KLN sebelum arahan pembayaran disediakan dan diperakuan oleh Peraku II.
- iii. Resit rasmi dan penyata pemungut berjumlah RM76,680 lewat disediakan antara dua (2) hingga 21 hari sebelum wang dimasukkan ke bank yang melibatkan dua (2) pejabat perwakilan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KLN.

**Maklum Balas MOA, KLN, MITI Dan KPM Yang Diterima Pada 2 Oktober 2018 Sehingga 16 Mei 2019**

*Kementerian telah membuat tindakan pembetulan dan penambahbaikan oleh semua pejabat perwakilan seperti berikut:*

- i. *Mengemas kini senarai pegawai yang diberi penurunan kuasa bagi AP69 dan AP101;*
- ii. *Pengisian pegawai bagi kekosongan jawatan sedia ada yang menjadi punca kelemahan pengurusan dan pentadbiran di pejabat perwakilan;*
- iii. *Memperbaiki proses penyediaan baucar dan memastikan semakan secara terperinci sebelum pembayaran dibuat; dan*
- iv. *Memastikan arahan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi dari semasa ke semasa.*

## 5.2. Pelaburan

### FAKTA PENTING

 <b>PELABURAN</b>	<b>PELABURAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>AMANAH:</b> RM21.577 bilion</li> <li>▪ <b>AM:</b> RM7.685 bilion</li> </ul>
<b>2018: RM29.262 bilion</b>	
<b>2017: RM24.120 bilion</b>	

5.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala Pelaburan Am ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Pada akhir tahun 2018, secara keseluruhannya nilai buku pelaburan telah meningkat sejumblah RM5.142 bilion atau 21.3% kepada RM29.262 bilion berbanding RM24.120 bilion pada akhir tahun 2017. Peningkatan pelaburan Kumpulan Wang Amanah antaranya disebabkan oleh penambahan pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan dan Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri. Bagaimanapun, terdapat juga pengurangan pelaburan dalam Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri. Selain itu, peningkatan jumlah Pelaburan Am pada akhir tahun 2018 adalah disebabkan penambahan pelaburan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi Tiga Hingga 12 Bulan dalam Akaun *Money Market Operation* yang berjumlah RM711 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

**JADUAL 2.5**

**PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		31.12.2018 (RM Juta)	31.12.2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH</b>					
1.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	8,671.99	6,592.05	2,079.94	31.6
2.	Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	6,827.40	2,564.86	4,262.54	>100
3.	Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	2,124.46	796.06	1,328.40	>100
4.	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,014.80	0.67	2,014.13	>100
5.	Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	1,172.46	6,752.20	-5,579.74	-82.6
6.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440.11	440.11	-	-
7.	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	286.05	-	286.05	100
8.	Pelbagai	39.83	-	39.83	100
<b>Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>		<b>21,577.10</b>	<b>17,145.95</b>	<b>4,431.15</b>	<b>25.8</b>

BIL.	BUTIRAN	NILAI BUKU		PERUBAHAN	
		31.12.2018 (RM Juta)	31.12.2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PELABURAN AM</b>					
9.	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,717.76	6,717.76	-	-
10.	Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 bulan – 12 Bulan	966.65	255.65	711.00	278.1
11.	Pelbagai	0.94	0.94	-	-
<b>Jumlah Pelaburan Am</b>		<b>7,685.35</b>	<b>6,974.35</b>	<b>711.00</b>	<b>10.2</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>29,262.45</b>	<b>24,120.30</b>	<b>5,142.15</b>	<b>21.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2018, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM232.883 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM230.960 bilion. Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan hasil berjumlah RM1.922 bilion dan kesemua lebihan hasil tahun semasa ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion semenjak tahun 1996. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya hasil meningkat sejumlah RM12.476 bilion atau 5.7%. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus turut menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi iaitu sejumlah RM13.265 bilion atau 6.1%. Dengan ini lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan telah berkurang sejumlah RM788.74 juta atau 29.1% berbanding tahun 2017. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2018 berbanding akhir tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.6**. Hasil, perbelanjaan mengurus dan pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.3**.


**JADUAL 2.6**

### KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	11,863.13	11,863.13	-	-
Hasil	232,882.56	220,406.00	12,476.56	5.7
Perbelanjaan Mengurus	-230,960.49	-217,695.19	-13,265.30	6.1
<b>Lebihan Hasil</b>	<b>1,922.07</b>	<b>2,710.81</b>	<b>-788.74</b>	<b>-29.1</b>
Lebihan Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan	-1,922.07	-2,710.81	-788.74	-29.1
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>11,863.13</b>	<b>11,863.13</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 2.3**  
**HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

Nota: Kesemua Lebihan Hasil Dipindahkan Ke Kumpulan Wang Pembangunan

## 6.1. Hasil

### FAKTA PENTING



#### HASIL

2018: RM232.883 bilion  
 2017: RM220.406 bilion

CUKAI: RM174.061 bilion  
 BUKAN CUKAI: RM51.118 bilion  
 TERIMAAN BUKAN HASIL: RM6.213 bilion  
 HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN:  
 RM1.491 bilion


6.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2018 hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM232.883 bilion iaitu meningkat sejumrah RM12.476 bilion atau 5.7% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM220.406 bilion. Prestasi kutipan hasil pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.7**. Kutipan hasil menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2017 dan 2018 berbanding trend penurunan dari tahun 2014 hingga 2016 seperti dalam **Carta 2.4**.

**JADUAL 2.7**  
**HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	(%)	2017 (RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	174,060.59	74.7	177,658.50	80.6	-3,597.91	-2.0
2.	Hasil Bukan Cukai	51,118.42	22.0	39,520.22	17.9	11,598.20	29.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	6,212.81	2.7	1,976.50	0.9	4,236.31	214.3
4.	Hasil Wilayah Persekutuan	1,490.74	0.6	1,250.78	0.6	239.96	19.2
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>232,882.56</b>	<b>100.0</b>	<b>220,406.00</b>	<b>100.0</b>	<b>12,476.56</b>	<b>5.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2018

**CARTA 2.4**  
**TREND KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

6.1.2. Sumber utama hasil Kerajaan adalah hasil cukai. Pada tahun 2018, hasil cukai menunjukkan penurunan sejumlah RM3.598 bilion atau 2.0% berbanding dengan tahun 2017. Penurunan hasil cukai pada tahun 2018 antaranya disebabkan oleh pengenaan Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (GST) pada kadar sifar (0%) bagi tempoh bulan Jun hingga Ogos 2018 serta pemansuhan GST berkuat kuasa bulan September 2018. Hasil bukan cukai pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM11.598 bilion atau 29.3% yang sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan hasil faedah dan perolehan daripada pelaburan yang berjumlah RM10.251 bilion. Selain itu, terimaan bukan hasil juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM4.236 bilion atau 214.3% berikutan peningkatan ketara ke atas terimaan daripada agensi-agensi Kerajaan. Manakala hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan sedikit peningkatan yang disebabkan oleh hasil cukai Wilayah Persekutuan. Antara hasil yang menunjukkan perubahan yang ketara pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.8**.

**JADUAL 2.8**  
**PRESTASI KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2018**

BIL.	JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PERUBAHAN		PUNCA PERUBAHAN
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>Hasil Cukai</b>						
1.	Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Tempatan serta Import	20,235.64	44,289.84	-24,054.20	-54.3	GST telah dikenakan pada kadar sifar mulai bulan Jun sehingga Ogos 2018 dan seterusnya dimansuhkan mulai September 2018.
2.	Cukai Pendapatan Petroleum	20,081.66	11,760.92	8,320.74	70.7	Peningkatan harga minyak petroleum di pasaran sehingga melebihi USD70 setong dan taksiran tambahan dari aktiviti audit yang berjumlah RM2 bilion yang telah dibayar sepenuhnya dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran notis taksiran cukai.
3.	Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri dan Barang Import	3,971.07	47.25	3,923.82	>100.0	Cukai Jualan Dan Perkhidmatan mula dikuatkuasakan mulai bulan September 2018 bagi menggantikan GST.
4.	Cukai Perkhidmatan	1,472.80	15.26	1,457.54	>100.0	
5.	Cukai Pendapatan Individu	32,605.16	28,945.46	3,659.70	12.6	Peningkatan disebabkan oleh peningkatan pendapatan yang diterima oleh individu dan kadar cukai terkini sebanyak 28% bagi pendapatan bercukai melebihi RM1 juta sejak Tahun Taksiran 2016 hingga Tahun Taksiran 2018 yang meningkatkan potongan PCB oleh majikan.
6.	Cukai Pendapatan Syarikat	66,474.36	64,464.98	2,009.38	3.1	Peningkatan disebabkan oleh perolehan perniagaan yang lebih tinggi di kalangan syarikat seiring dengan pertumbuhan KDNK Negara. Ianya ditunjukkan oleh peningkatan amaan anggaran cukai dan ansuran cukai bulanan serta baki cukai yang dibayar oleh syarikat. Selain itu, peningkatan turut disebabkan oleh bayaran bagi taksiran tambahan dari aktiviti audit dan siasatan cukai.
<b>Hasil Bukan Cukai</b>						
7.	Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	14,026.62	12,776.56	1,250.06	9.8	Peningkatan hasil royaliti petroleum (RM769 juta), lesen kenderaan bermotor (RM114 juta) dan levi pekerja asing (RM237 juta).
8.	Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	31,888.78	21,638.03	10,250.75	47.4	Peningkatan yang ketara sejumlah RM10 bilion adalah dividen Petronas dan sejumlah RM1.030 bilion daripada Khazanah Nasional Berhad berbanding tahun 2017.

BIL.	JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PERUBAHAN		PUNCA PERUBAHAN
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>Terimaan Bukan Hasil</b>						
9.	Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	4,576.48	137.60	4,438.88	>100	Terimaan daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) sejumlah RM4.5 bilion.
<b>Hasil Wilayah Persekutuan</b>						
10.	Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	1,414.63	1,170.78	243.85	20.8	Peningkatan kutipan premium dan cukai tanah.

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

6.1.3. Antara penyumbang utama terimaan daripada agensi-agensi Kerajaan adalah pindahan daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) berjumlah RM4.500 bilion bagi membiayai sebahagian tanggungan pencen bagi tahun 2018. Perkara ini adalah selaras dengan Seksyen 13(5), Akta KWAP 2007 (Akta 662) yang menyatakan kumpulan wang hendaklah digunakan bagi membiayai kos pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengikut apa-apa cara dan bila-bila masa sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri.

## 6.2. Perbelanjaan Mengurus

### FAKTA PENTING



#### BELANJA MENGURUS

2018: RM230.960 bilion  
2017: RM217.695 bilion

**EMOLUMEN:** RM79.989 bilion

**BEKALAN:** RM35.283 bilion

**ASET:** RM0.447 bilion

**PEMBERIAN:** RM114.144 bilion

**LAIN-LAIN:** RM1.097 bilion

6.2.1. Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2018 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM234.250 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM4.271 bilion iaitu melalui peruntukan agihan semula berjumlah RM3.065 bilion disebabkan penstrukturran semula Kementerian dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM1.206 bilion. Dalam tempoh yang sama, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM6.080 bilion menjadikan peruntukan muktamad bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM232.441 bilion. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 adalah berjumlah RM230.960 bilion atau 99.4%. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 dan tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.9**.

**JADUAL 2.9**  
**PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS**  
**BAGI TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BUTIRAN	TAHUN 2018	TAHUN 2017	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Peruntukan</b>				
i. Asal	234,250.45	214,800.00	19,450.45	9.1
ii. Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka	1,205.69	1,909.95	-704.26	-36.9
iii. Agihan Semula	3,065.11	-	3,065.11	100
<b>JUMLAH</b>	<b>238,521.25</b>	<b>216,709.95</b>	<b>21,811.30</b>	<b>10.1</b>
Waran Penyekatan Peruntukan	-6,080.06	-10.30	-6,069.76	>100
<b>JUMLAH</b>	<b>232,441.19</b>	<b>216,699.65</b>	<b>15,741.54</b>	<b>7.3</b>
<b>Perbelanjaan</b>				
Perbelanjaan Sebenar*	230,960.49	217,695.19	13,265.30	6.1
Peratus Perbelanjaan	99.4%	100.5%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

Nota: (\*) - Tidak Termasuk Pindahan Kumpulan Wang Pembangunan


6.2.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 berjumlah RM230.960 bilion. Antara perbelanjaan tertinggi adalah pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah RM114.144 bilion atau 49.4% dan emolumen berjumlah RM79.989 bilion atau 34.6%, manakala perbelanjaan terendah adalah perolehan aset berjumlah RM0.447 bilion atau 0.2%. Perbelanjaan mengurus tahun 2018 meningkat sejumlah RM13.265 bilion atau 6.1% berbanding dengan tahun 2017 yang berjumlah RM217.695 bilion. Perbelanjaan bagi pembelian aset didapati berkurangan sejumlah RM68.30 juta atau 13.2%. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.10**, manakala trend perbelanjaan mengurus dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.5**.

**JADUAL 2.10**  
**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	(%)	2017 (RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	79,988.97	34.6	77,036.40	35.4	2,952.57	3.8
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	35,282.57	15.3	34,738.18	16.0	544.39	1.6
3.	Aset	447.39	0.2	515.69	0.2	-68.30	-13.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	114,144.35	49.4	104,365.09	47.9	9,779.26	9.4
5.	Perbelanjaan Lain	1,097.21	0.5	1,039.83	0.5	57.38	5.5
<b>JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS</b>		<b>230,960.49</b>	<b>100.0</b>	<b>217,695.19</b>	<b>100.0</b>	<b>13,265.30</b>	<b>6.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 2.5**  
**TREND PERBELANJAAN MENGURUS**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

6.2.3. Perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap menunjukkan peningkatan sejumlah RM9.779 bilion atau 9.4% disebabkan antaranya peningkatan pemberian kepada negeri, bayaran pencen, pemberian biasiswa dan dermasiswa, bantuan pelajaran serta kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman. Pada tahun 2018, perbelanjaan kerana hutang negara (faedah, dividen dan lain-lain kenaan bayaran) adalah berjumlah RM30.547 bilion atau 13.2% daripada perbelanjaan mengurus. **Bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk pembayaran balik prinsipal hutang pada tahun 2018 yang berjumlah RM77.492 bilion kerana tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus tetapi dibayar secara terus daripada Akaun Pinjaman Disatukan.**

6.2.4. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun berturut-turut. Pada tahun 2017, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM27.863 bilion dan meningkat sejumlah RM2.684 bilion atau 9.6% kepada RM30.547 bilion pada tahun 2018. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2018 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti dalam **Carta 2.6**.

**CARTA 2.6**  
**PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

**6.2.5. Selepas mengambil kira bayaran balik prinsipal hutang berjumlah RM77.492 bilion serta kos dan faedah pinjaman berjumlah RM30.547 bilion, jumlah keseluruhan bayaran balik hutang Persekutuan dan kos pinjaman adalah RM108.039 bilion.**




*"Kerajaan Persekutuan adalah disaran untuk mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjanaan hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Langkah ini adalah supaya lebihan hasil dapat dipertingkatkan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu."*

#### **6.2.6. Pengurusan Pembayaran Emolumen**

- Pengauditan emolumen dijalankan di 162 pusat pembayar dan seramai 3,096 sampel pegawai telah dipilih terdiri daripada pegawai bersara, berhenti, cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dan lain-lain. **Carta 2.7** menunjukkan peratusan pemilihan sampel pegawai yang diaudit.

**CARTA 2.7  
POPULASI SAMPEL AUDIT**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Sejumlah RM1.17 juta emolumen terlebih dibayar melibatkan 243 pegawai di 17 kementerian dan tujuh (7) jabatan Persekutuan di negeri terdiri daripada pegawai bersara, berhenti, bercuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dan lain-lain. Perkara ini disebabkan kelewatan mengambil tindakan untuk memberhentikan atau membuat pelarasan gaji pegawai, kesilapan dalam penyediaan Penyata Perubahan Gaji atau kesilapan perkiraan kadar elauan yang sepatutnya diterima oleh pegawai.
- c. Emolumen terkurang bayar berjumlah RM57,556 melibatkan 66 pegawai di 12 kementerian dan tujuh (7) jabatan Persekutuan di negeri disebabkan pusat pembayar tidak mengambil kira kenaikan gaji tahunan, kesilapan penetapan kadar elauan yang selayaknya dan pegawai telah mengosongkan rumah Kerajaan tetapi Imbuhan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup masih dipotong.
- d. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2.11**.

**JADUAL 2.11**  
**EMOLUMEN TERLEBIH ATAU TERKURANG BAYAR**

BIL.	KATEGORI	EMOLUMEN TERLEBIH BAYAR		EMOLUMEN TERKURANG BAYAR	
		BILANGAN PEGAWAI	AMAUН (RM)	BILANGAN PEGAWAI	AMAUН (RM)
1.	Bersara	52	455,890	39	39,109
2.	Berhenti	9	60,949	4	2,480
3.	Bercuti Tanpa Gaji	89	500,986	11	5,368
4.	Bercuti Separuh Gaji	31	64,202	-	-
5.	Lain-Lain Kategori	62	90,245	12	10,599
<b>JUMLAH</b>		<b>243</b>	<b>1,172,272</b>	<b>66</b>	<b>57,556</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara


**Maklum Balas 17 Kementerian Dan Tujuh (7) Jabatan Persekutuan Di Negeri Yang Diterima Pada 20 Julai 2018 Hingga 1 April 2019**

*Kementerian telah membuat tindakan bagi emolumen terlebih bayar dengan mengeluarkan surat kutipan balik emolumen dan pegawai yang terlibat telah menjelaskan bayaran yang terlebih bayar. Manakala bagi emolumen terkurang bayar tindakan yang diambil oleh Pusat Pembayar gaji dengan membayar balik emolumen kepada pegawai berkenaan.*

#### **6.2.7. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**


- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) (AP58(a)) menetapkan bahawa kebenaran khas daripada Akauntan Negara Malaysia adalah diperlukan bagi membayar baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa dengan pertanggungan yang kena bayar pada tahun kewangan sebelumnya. Permohonan itu hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat kementerian atau jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Pada tahun 2018, pembayaran di bawah AP58(a) adalah berjumlah RM2.403 bilion menunjukkan penurunan sejumlah RM1.171 bilion atau 32.8% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM3.574 bilion. Trend pembayaran AP58(a) bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.8**. Secara keseluruhan, bayaran AP58(a) mengikut Kementerian atau Jabatan adalah seperti dalam **Carta 2.9**.

**CARTA 2.8**  
**JUMLAH PEMBAYARAN AP58(a) BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**CARTA 2.9**  
**BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)**  
**MENGIKUT KEMENTERIAN ATAU JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis Audit terhadap pembayaran AP58(a) Tahun 2018 mendapat perkara seperti berikut:
- Sejumlah RM576.73 juta di 23 kementerian atau jabatan adalah bayaran bagi bil dan tuntutan bulan Januari hingga November 2017.
  - Sejumlah RM130.57 juta di 20 kementerian atau jabatan telah dibayar bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima pada tahun 2016 dan sebelumnya.

- iii. Sejumlah RM610.74 juta telah dibuat selepas bulan Jun 2018 melibatkan 22 kementerian atau jabatan dan 24 JANM Negeri.
- iv. Baki peruntukan tahun 2017 tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan-perbelanjaan lain di bawah AP58(a) tahun 2018 seperti dalam **Jadual 2.12**.

**JADUAL 2.12**  
**PEMBAYARAN AP58(a) MELEBIHI BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2017**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	KOD OBJEK	BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2017 (RM)	BEKALAN/PERKHIDMATAN TAHUN 2017 YANG DIBAYAR DI BAWAH AP58(a) TAHUN 2018		BAYARAN MELEBIHI PERUNTUKAN (RM)
				AMAUН (RM)	BIL. ARAHAN PEMBAYARAN	
1.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	10000	15.51	-517,133	578	-517,117
		20000	16.98	-4,370,791	2,003	-4,370,774
		30000	4.63	-245,294	5	-245,289
		40000	-685,490,393	-3,734,148	21	-689,224,541
		50000	0.89	-2,757	4	-2,756
2.	Dalam Negeri	10000	-153,913,051	-11,120,385	8,050	-165,033,436
		20000	-649,510,385	-267,633,201	59,158	-917,143,586
		30000	982.56	-654,382	13	-653,399
		40000	259,699	-322,366	158	-62,667
		50000	181.25	-5,200	1	-5,019
3.	Pendidikan Malaysia	10000	-282,298,010	-2,356,912	559	-284,654,922
		20000	-204,806,314	-38,331,553	1,807	-243,137,867
		40000	11.11	-424,602	15	-424,591
4.	Pengajian Tinggi	10000	-745,104,735	-79,013	58	-745,183,748
		20000	-680,474,825	-6,529,077	404	-687,003,902
		40000	-2,312,112,686	-6,208	2	-2,312,118,894
5.	Perdana Menteri	10000	-21,217,428	-421,908	291	-21,639,336
		20000	-1,793,428	-12,817,859	840	-14,611,287
		40000	2,111	-5,981,681	430	-5,979,570
6.	Perkhidmatan Awam	10000	-8,022,925	-4,750,179	3,309	-12,773,104
		20000	-6,872,397	-133,252,785	19,928	-140,125,182
		30000	0.60	-1,783,325	11	-1,783,324
		40000	-380,843,262	-1,243,379	240	-382,086,641
7.	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	20000	10,567,217	-23,411,892	2,366	-12,844,675
		40000	208,624	-110,810,488	661	-110,601,864

Sumber: Sistem iGFMAS

- v. Bayaran belum dibuat pada tahun 2018 bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima pada tahun 2017 dan sebelumnya melibatkan lima (5) Kementerian iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan.
- c. Semakan Audit terhadap pembayaran AP58(a) Tahun 2019 mendapati perkara seperti berikut:
- Berdasarkan analisis Audit terhadap data *integrated Government Financial & Management System* (iGFMAS) sehingga 15 Mei 2019, sejumlah RM255.43 juta telah dibayar oleh Kementerian atau Jabatan di bawah AP58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan tahun 2018 dan tahun sebelumnya. Didapati daripada bayaran tersebut sejumlah RM60.31 juta daripadanya adalah bayaran bagi bil dan tuntutan bulan Januari hingga November 2018.
  - Enam (6) kementerian atau jabatan tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi bagi tahun 2018 tetapi masih membuat pembayaran di bawah AP58(a). Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.13**.

**JADUAL 2.13**  
**KEMENTERIAN ATAU JABATAN YANG TIDAK MEMPUNYAI BAKI PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI BAGI TAHUN 2018**

BIL.	KEMENTERIAN	KOD OBJEK	BAKI PERUNTUKAN TAHUN 2018 (RM)	AMAUN BAYARAN AP58(A) SEHINGGA 15 MEI 2019 (RM)	BAYARAN MELEBIHI PERUNTUKAN (RM)
1.	Belia Dan Sukan	10000	5,298	-61,997	-56,699
2.	Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim	40000	2,422,993	-14,279,368	-11,856,375
3.	Kesihatan Malaysia	10000	2,935	-3,862,796	-3,859,861
		20000	-705,587,361	-42,922,273	-748,509,634
		40000	387.35	-4,108,632	-4,108,245
4.	Pendidikan Malaysia	10000	59,519	-271,311	-211,792
		20000	-299,666,223	-396,818	-300,063,041
5.	Pertahanan	10000	28,992	-63,958	-34,966
6.	Kewangan	10000	17,554,310	-52,545,421	-34,991,111
		20000	2,064,018	-6,836,225	-4,772,207

Sumber: Sistem iGFMAS



*" Pihak Audit mencadangkan supaya setiap bil dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap terutamanya bil bulan Januari hingga November tahun semasa. Bayaran AP58(a) hanya boleh dipertimbangkan sekiranya kementerian atau jabatan mempunyai baki peruntukan mencukupi dalam tahun berkaitan. Sekiranya kelewatan pembayaran disebabkan kecuaian pegawai, bayaran perlu dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan 59. Bayaran AP58(a) perlu dipantau dengan teliti kerana bayaran ini akan menjelaskan bajet kewangan tahun semasa dan menjadi salah satu punca utama kepada keperluan peruntukan tambahan. Ini menyebabkan bajet tahun semasa tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. "*

### **Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 15 Julai 2019**

*Kementerian Kewangan memaklumkan kelulusan AP58(a) hanya diberikan kepada kementerian atau jabatan yang tidak mempunyai baki peruntukan tahun sebelumnya disebabkan perkara berikut:*

- (a) Peruntukan asal masih berbaki sekiranya tidak mengambil kira pelarasan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan selepas penutupan Akaun.*
- (b) Peruntukan tidak disediakan secukupnya pada tahun berkenaan terutamanya peruntukan yang bersifat *locked in* dan komited.*

## **7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

### **FAKTA PENTING**



#### **AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

2018: RM15.224 bilion  
2017: RM33.482 bilion

**TERBIT BAHRU:** RM131.599 bilion

**BAYARAN BALIK PRINSIPAL:**

RM77.492 bilion

**KUMP. WANG PEMBANGUNAN:**

RM72.365 bilion

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan urus niaga pinjaman dalam dan luar negeri mengikut akta-akta berkaitan. Pada akhir tahun 2018, baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan adalah berjumlah RM15.224 bilion. Jumlah ini

telah berkurangan sejumlah RM18.258 bilion atau 54.5% berbanding dengan tahun 2017 yang berjumlah RM33.482 bilion. Penurunan baki ini disebabkan jumlah yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 meningkat dengan ketara iaitu sejumlah RM45.133 bilion atau 165.7% berbanding tahun 2017. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

**JADUAL 2.14**  
**STATUS BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**  
**PADA 31 DISEMBER TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BUTIRAN	BAKI		PERUBAHAN	
	TAHUN 2018	TAHUN 2017	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>33,482.40</b>	<b>20,323.76</b>	<b>13,158.64</b>	<b>64.7</b>
<b>Terimaan:</b>	<b>131,599.41</b>	<b>129,247.89</b>	<b>2,351.52</b>	<b>1.8</b>
Dalam Negeri	131,563.68 *	129,185.01	2,378.67	1.8
Luar Negeri	35.73	62.88	-27.15	-43.2
<b>Bayaran:</b>	<b>-77,492.35</b>	<b>-88,857.18</b>	<b>-11,364.83</b>	<b>-12.8</b>
Dalam Negeri	-77,136.48	-88,452.61	-11,316.13	-12.8
Luar Negeri	-355.87	-404.57	-48.70	-12.0
<b>Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan</b>	<b>-72,365.34</b>	<b>-27,232.07</b>	<b>45,133.27</b>	<b>165.7</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>15,224.12</b>	<b>33,482.40</b>	<b>-18,258.28</b>	<b>-54.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2018 dan 2017

Nota: \* Pengikirafan jumlah terimaan bagi tahun 2018 adalah mengambil kira amaun diskaun atau premium

7.2. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negeri bagi menampung defisit perbelanjaan pembangunan dan membayar balik pinjaman. Sejumlah RM77.492 bilion atau 58.9% daripada terimaan pinjaman baharu yang berjumlah RM131.599 bilion digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman pada tahun 2018. Bayaran balik prinsipal menurun sejumlah RM11.365 bilion atau 12.8% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM88.857 bilion. Sejumlah RM77.136 bilion atau 99.5% adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri manakala bakinya RM0.356 bilion atau 0.5% adalah bayaran balik hutang luar negeri.

7.3. Pada tahun 2018, sejumlah RM72.365 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan di mana jumlah tersebut meningkat dengan ketara iaitu sejumlah RM45.133 bilion atau 165.7% berbanding pindahan yang dibuat pada tahun 2017 yang berjumlah RM27.232 bilion. Jumlah ini telah mengambil kira RM33.482 bilion baki Kumpulan Wang Pinjaman tahun 2017 yang telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan pada 26 Julai 2018 melalui resolusi Dewan Rakyat pada 29 Mac 2018.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

### FAKTA PENTING



#### AMANAH DISATUKAN

2018: RM25.823 bilion  
2017: (RM3.161 bilion)

AMANAH KERAJAAN: RM3.752 bilion

AMANAH AWAM: RM10.211 bilion

DEPOSIT: RM11.859 bilion

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Disatukan adalah RM25.823 bilion berbanding baki negatif RM3.161 bilion pada akhir tahun 2017. Peningkatan yang ketara bagi baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2018 disebabkan oleh peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan daripada negatif RM23.541 bilion pada akhir tahun 2017 kepada RM3.752 bilion pada akhir tahun 2018. Hal ini berlaku apabila Kerajaan memutuskan untuk membuat pindahan sejumlah RM72.365 bilion dari Akaun Pinjaman Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan iaitu salah satu akaun di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berbanding hanya sejumlah RM27.232 bilion pada tahun 2017. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.15.**

**JADUAL 2.15**  
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	3,752.29	-23,541.44	27,293.73	115.9
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	10,211.40	9,261.94	949.46	10.3
3.	Deposit	11,859.11	11,118.41	740.70	6.7
<b>JUMLAH</b>		<b>25,822.80</b>	<b>-3,161.09</b>	<b>28,983.89</b>	<b>916.9</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

### 8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang dan Surat Ikatan Amanah yang berkaitan.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada dua (2) Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Baki kedua-dua Kumpulan Wang pada akhir tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.16**.

**JADUAL 2.16**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KATEGORI AKAUN	BAKI PADA	BAKI PADA	PERUBAHAN	
		31.12.2018 (RM Juta)	31.12.2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kump. Wang Pembangunan	-27,785.78	-46,765.91	18,980.13	40.6
2.	Pelbagai Kump. Wang Amanah Kerajaan	31,538.07	23,224.46	8,313.61	35.8
<b>JUMLAH</b>		<b>3,752.29</b>	<b>-23,541.45</b>	<b>27,293.74</b>	<b>115.9</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

### 8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan penurunan defisit sejumlah RM18.980 bilion, iaitu daripada RM46.766 bilion pada tahun 2017 kepada RM27.786 bilion. Penurunan baki defisit ini disebabkan oleh sejumlah RM72.365 bilion dipindahkan daripada Akaun Pinjaman Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan berbanding hanya sejumlah RM27.232 bilion dipindahkan pada tahun 2017. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.17**.

**JADUAL 2.17**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>-46,765.91</b>	<b>-33,677.13</b>	<b>-13,088.78</b>	<b>-38.9</b>
<b>Terimaan :</b>	<b>75,075.59</b>	<b>31,795.06</b>	<b>43,280.53</b>	<b>136.1</b>
Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	1,922.07	2,710.81	-788.74	-29.1
Caruman dari Akaun Pinjaman Disatukan	72,365.34	27,232.07	45,133.27	165.7
Terimaan Balik Pinjaman	776.82	785.82	-9.00	-1.1
Pelbagai Terimaan	11.36	1,066.36	-1,055.00	-98.9
<b>Bayaran :</b>				
Perbelanjaan Pembangunan	<b>-56,095.46</b>	<b>-44,883.84</b>	<b>-11,211.62</b>	<b>-25.0</b>
<b>Lebihan/(Kurangan)</b>	<b>18,980.13</b>	<b>-13,088.78</b>		
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-27,785.78</b>	<b>-46,765.91</b>	<b>18,980.13</b>	<b>40.6</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

### a. Perbelanjaan Pembangunan

- i. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM260 bilion sebagai peruntukan pembangunan yang akan diagihkan setiap tahun sepanjang tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang merupakan rancangan lima tahun pembangunan Malaysia (2016 - 2020). Sejumlah RM46 bilion telah diluluskan sebagai anggaran asal perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 dan peruntukan tambahan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM1.967 bilion serta pengutusan semula perbelanjaan pembangunan berjumlah RM6.230 bilion berikutan penyusunan semula kementerian yang dilaksanakan pada tahun 2018. Bagi tempoh yang sama, Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM9.697 bilion telah dikeluarkan. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM44.499 bilion. Sehingga akhir tahun 2018, secara keseluruhannya kementerian atau jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM56.095 bilion atau 126.1% daripada peruntukan yang diluluskan. Perbandingan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.18.**

**JADUAL 2.18**  
**PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
**PADA TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

PERKARA	TAHUN 2018 (RM Juta)	TAHUN 2017 (RM Juta)
<b>Peruntukan:</b> - Anggaran Asal* - Tambahan Pertama Pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka - Pengutusan Semula Perbelanjaan Pembangunan	46,000.00 1,967.07 6,229.80	46,000.00 1,052.21 -
<b>JUMLAH</b>	<b>54,196.87</b>	<b>47,052.21</b>
Waran Penyekatan Peruntukan	-9,697.55	-1,732.08
<b>JUMLAH</b>	<b>44,499.32</b>	<b>45,320.13</b>
Perbelanjaan Sebenar	56,095.45	44,883.84
Peratus Perbelanjaan (%)	126.1 **	99.0

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

Nota: (\*) - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka Berjumlah RM2 Bilion

(\*\*) - Pengiraan peratus perbelanjaan adalah tidak termasuk Anggaran Perbelanjaan Tambahan berjumlah RM15 bilion yang diluluskan Parlimen pada 4 April 2019

ii. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2018 bagi 27 kementerian atau jabatan mendapati perkara seperti berikut:

- Sejumlah RM67.12 juta peruntukan yang diluluskan bagi 15 projek melibatkan lapan (8) kementerian atau jabatan tidak dibelanjakan langsung. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.19**.

**JADUAL 2.19**  
**PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

KEMENTERIAN/JABATAN	PROJEK	PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Perdana Menteri	<i>Development Of Halal Industry</i>	0.30
	Pengkomputeran Mahkamah	28.50
	Agenzia Pengurusan Bencana Negara	0.39
Pertanian Dan Industri Asas Tani	Kurantina Tumbuhan Sarawak	0.35
	Kesihatan Awam Veterinar	0.25
Sumber Asli Dan Alam Sekitar	Rancangan Bekalan Air Negeri Perak	0.05
	Rancangan Bekalan Air Negeri Terengganu	1.00
Pengangkutan Malaysia	Pembelian Rolling Stock KTMB	24.49
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah	2.00
Wilayah Persekutuan	Pembangunan Teknologi Maklumat JPBD (E-PLAN)	0.09
	Promosi Dan Pembangunan Industri	1.50
	Pengurusan Landskap	0.92
Belia Dan Sukan	Program 1M4U	1.25
Dalam Negeri	Pembaikan Dan Penyelenggaraan Kuarters Bagi Tahun 2015	0.02
	Kelengkapan dan Kenderaan (Imigresen)	6.01
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>67.12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

- Enam (6) kementerian atau jabatan telah membuat tambahan peruntukan berjumlah RM17.93 juta bagi membiayai sembilan (9) projek. Bagaimanapun, tambahan peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar adalah kurang daripada peruntukan asal. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.20**.

**JADUAL 2.20**  
**TAMBAHAN PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN			BELANJA SEBENAR	BAKI PERUNTUKAN ASAL  (RM Juta) (e) = [(a) - (d)]
			ASAL (RM Juta) (a)	TAMBAHAN (RM Juta) (b)	SEBENAR (RM Juta) (c)		
			(RM Juta) (b)	(RM Juta) (c)	(RM Juta) (d)		
1.	Perdana Menteri	3	679.77	8.28	688.05	607.33	72.44
2.	Pengangkutan	2	236.50	3.61	240.11	234.38	2.12
3.	Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	1	10.79	0.52	11.31	4.31	6.48
4.	Kesihatan	1	111.85	3.59	115.44	104.78	7.07
5.	Komunikasi Dan Multimedia	1	6.50	0.33	6.83	5.96	0.54
6.	Dalam Negeri	1	7.50	1.60	9.10	2.33	5.17
<b>JUMLAH</b>		<b>9</b>	<b>1,052.91</b>	<b>17.93</b>	<b>1,070.84</b>	<b>959.09</b>	<b>93.82</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

### **8.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada akhir tahun 2018, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM31.538 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM8.314 bilion atau 35.8% berbanding dengan tahun 2017 yang berjumlah RM23.224 bilion. Peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan antaranya disebabkan oleh peningkatan baki Akaun Amanah Negara sejumlah RM3.493 bilion dan Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan sejumlah RM2.899 bilion. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **a. Kumpulan Wang Amanah Woksyop Tak Beruntuk**

- i. Kumpulan Wang Amanah Woksyop Tak Beruntuk (Kumpulan Wang) ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang bertujuan untuk mendahulukan pembelian barang atau kos kerja dan pembekalan barang dan peralatan berkaitan yang diperlukan oleh sebuah jabatan atau agensi seperti yang disenaraikan di Jadual A Surat Ikatan Amanah berkaitan.
- ii. Pada 30 Julai 2018, Kumpulan Wang ini telah menerima kemasukan dana sejumlah RM820 juta iaitu pindahan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan (KWTPPP) melalui Akaun Transit Amanah Kerajaan. Tujuan pindahan dana ini adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus (penyelenggaraan dan pembaikan) melibatkan tiga (3) kementerian. Had siling perbelanjaan telah dipinda

pada 1 Ogos 2018 daripada RM4 juta kepada RM1 bilion. Kementerian yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2.21**.

**JADUAL 2.21**  
**PECAHAN TERIMAAN DANA**

BIL.	VOT	KEMENTERIAN	PINDAHAN DANA (RM Juta)
1	B63	Pendidikan Malaysia	250
2	B60	Pertahanan Malaysia	150
3	B62	Dalam Negeri	420
<b>JUMLAH</b>			<b>820</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

- iii. Adalah didapati perbelanjaan penyenggaraan dan pemberian yang terlibat telah diluluskan di bawah Bajet Mengurus dan sepatutnya dicajkan ke dalam Vot Mengurus kementerian masing-masing di bawah Objek Sebagai 28000 – Penyelenggaraan Dan Pemberian Kecil Yang Dibeli. Dengan itu, perbelanjaan mengurus yang dicaj terus kepada Kumpulan Wang ini didapati tidak menepati tujuan penubuhan Kumpulan Wang tersebut. Antara perbelanjaan yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 2.22**.

**JADUAL 2.22**  
**PERBELANJAAN PENYENGGARAAN MELALUI DANA PINDAHAN KE KUMPULAN WANG AMANAH STOR DAN WOKSYOP TAK BERUNTUK**

BIL.	KEMENTERIAN	BUTIRAN PENYENGGARAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pendidikan	Bayaran Kontrak Pembersihan Kawasan Di Pelbagai Pejabat Pendidikan Daerah	2.28
2.	Dalam Negeri	Bayaran Pengurusan Fasiliti Kompleks D	2.16
3.	Pertahanan	Bayaran Kemajuan Penyenggaraan Berjadual	13.64
4.		Bayaran Penyenggaraan Pesawat	9.50

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

#### b. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- i. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada vot projek berkenaan. Kementerian atau jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan ini yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Semua pendahuluan berkaitan perlu diselaraskan selewat-lewatnya pada tahap 75% kemajuan kerja. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PP - PK4.

- ii. Semakan Audit mendapati Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum dikutip balik pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM814.63 juta iaitu menurun sejumlah RM210.94 juta atau 20.6% berbanding tahun 2017. Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum dikutip balik pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2.23**.

#### **JADUAL 2.23**

#### **KEDUDUKAN BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP BALIK PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADAKONTRAKTOR (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)
2014	948.97	-157.35 *	-14.2
2015	939.01	-9.96	-1.0
2016	946.40	7.39	0.8
2017	1,025.57	79.17	8.4
2018	814.63	-210.94	-20.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

Nota: \* Baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor Pada Akhir Tahun 2013 adalah RM1,106.32 juta

- iii. Mengikut rekod, baki Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor yang belum dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan atau terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM99.02 juta. Jumlah ini telah berkurangan sejumlah RM9.86 juta berbanding RM108.88 juta pada tahun 2017. Ini termasuk pendahuluan kepada kontraktor sejumlah RM880,869 bagi satu (1) projek di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang telah dihapus kira. **Jadual 2.24** adalah senarai kementerian yang masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM99.02 juta daripada 40 syarikat pada akhir tahun 2018 walaupun projek telah ditamatkan atau terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%.

**JADUAL 2.24**  
**BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR**  
**YANG BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA**  
**TELAH MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN**

BIL.	KEMENTERIAN	KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%	PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN		BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP BALIK (RM Juta)
		BIL. SYARIKAT	BIL. SYARIKAT	TAHUN KONTRAK DITAMATKAN	
1.	Kerja Raya Malaysia	-	16	2005 – 2017	36.78
2.	Pendidikan Malaysia	3	14	2009 - 2015	32.86
3.	Pertahanan Malaysia	-	2	2009	17.49
4.	Pengangkutan Malaysia	-	1	Belum ditamatkan	5.75
5.	Dalam Negeri	-	2	2008 - 2009	4.45
6.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	-	1	2018	1.21
7.	Belia dan Sukan Malaysia	-	1	2008	0.48
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>	<b>37</b>	<b>2005 - 2018</b>	<b>99.02</b>

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

iv. Kementerian atau jabatan menghadapi kesukaran untuk mengutip balik pendahuluan kepada kontraktor. Perkara ini disebabkan Wang Jaminan Pelaksanaan atau Jaminan Bank telah tamat tempoh, syarikat telah menghentikan operasi atau dalam proses penggulungan atau proses timbang tara serta proses perundangan mengambil masa yang lama.

**Maklum Balas Tujuh (7) Kementerian Yang Diterima Pada  
8 Mei hingga 26 Julai 2019**

*Kementerian memaklumkan bahawa kutipan balik akan dibuat melalui pelarasan akaun muktamad, mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor dan sebahagiannya sedang dalam proses hapus kira disebabkan kutipan balik masih gagal dilaksanakan walaupun tindakan perundangan telah diambil. Setakat bulan Mac 2019 Kementerian Kerja Raya Malaysia memaklumkan bahawa kutipan balik telah selesai dibuat bagi dua (2) projek dan Kementerian Pendidikan Malaysia selesai membuat kutipan balik bagi satu (1) projek.*

**c. Pendahuluan Diri Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59**

- i. Bayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh pembekal bagi barang atau perkhidmatan yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Jika terdapat keraguan, pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) perlu dibuat dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia dan dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian atau Jabatan. Pada tahun 2018, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 40 permohonan Pendahuluan Diri berjumlah RM49.82 juta kepada 10 Kementerian atau Jabatan bagi pembayaran di bawah AP59 iaitu meningkat sejumrah RM44.22 juta atau 789.6% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM5.60 juta. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.25**.

**JADUAL 2.25  
PEMBAYARAN DI BAWAH AP59 YANG DILULUSKAN  
OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2018		KELULUSAN PADA TAHUN 2017	
		BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
1.	Kerja Raya Malaysia	1	33.46	1	0.04
2.	Dalam Negeri	10	6.09	-	-
3.	Pendidikan Malaysia	4	3.54	1	0.01
4.	Pembangunan Luar Bandar	1	3.00	-	-
5.	Pertahanan Malaysia	2	1.22	-	-
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>18</b>	<b>47.31</b>	<b>2</b>	<b>0.05</b>
6.	Kementerian/Jabatan Lain	22	2.51	38	5.55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>40</b>	<b>49.82</b>	<b>40</b>	<b>5.60</b>

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

- ii. Selaras dengan AP59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan sebab-sebab penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Pada tahun 2018, empat (4) daripada 25 laporan siasatan telah lewat dikemukakan antara 21 hingga 69 hari. Kementerian Dalam Negeri masih belum mengemukakan laporan siasatan bagi enam (6) kes pembayaran di bawah AP59 walaupun telah melebihi tempoh 60 hari. Tempoh kelewatan sehingga 31 Disember 2018 adalah antara 17 hingga 253 hari. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.26**.

**JADUAL 2.26**  
**KELEWATAN MENGEUKAKAN LAPORAN SIASATAN**  
**KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2018			LAPORAN SIASATAN BELUM DIKEMUKAKAN		
		BIL. KES	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)	BIL. KES	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN SEHINGGA 31. 12. 2018*
1.	Pendidikan Malaysia	2	3.47	55 -69	-	-	-
2.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	1	0.20	21	-	-	-
3.	Pertahanan Malaysia	1	1.10	69	-	-	-
4.	Dalam Negeri	-	-	-	6	3.81	17 - 253
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>	<b>4.77</b>	<b>21 - 69</b>	<b>6</b>	<b>3.81</b>	<b>17 - 253</b>

Sumber: Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

Nota: (\*) - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Pelarasan  
Dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia

- iii. Sehingga akhir tahun 2018, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM69.91 juta melibatkan 10 kementerian atau jabatan. Sejumlah RM20.90 juta atau 29.9% daripada RM69.91 juta tersebut adalah baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya melibatkan tujuh (7) kementerian atau jabatan. Pendahuluan Diri bagi pembayaran di bawah AP59 yang diluluskan pada tahun 2017 dan sebelumnya tetapi belum dilaraskan sehingga penghujung tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2.27**. Antara punca Pendahuluan Diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan pihak Kementerian atau Jabatan lewat mengemukakan laporan siasatan kepada Perbendaharaan Malaysia, laporan yang dikemukakan tidak lengkap atau masih menunggu kelulusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.

**JADUAL 2.27**  
**PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP59 TAHUN 2017 DAN SEBELUMNYA**  
**YANG BELUM DILARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2018**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN (RM Juta)	KELULUSAN PENDAHULUAN (TAHUN)
1.	Jabatan Perdana Menteri	0.07	2017
2.	Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia	0.28	2017
3.	Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	0.46	2015 - 2017
4.	Kesihatan Malaysia	0.07	2014
5.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	0.16	2014 & 2017
6.	Pendidikan Malaysia	0.74	2006 - 2015
7.	Dalam Negeri	19.12	2006 - 2017
<b>JUMLAH KESELURUHAN/TEMPOH</b>		<b>20.90</b>	<b>2006 - 2017</b>

Sumber : Dokumen dan Rekod Di Peringkat Kementerian/Jabatan

## **Maklum Balas Kementerian/Jabatan Terlibat Dan Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 17 Jun Hingga 31 Julai 2019**

*Kementerian atau jabatan memaklumkan kelulusan pelarasan diterima pada akhir bulan Disember 2018 menyebabkan pelarasan hanya boleh dibuat pada tahun 2019. Di samping itu, proses untuk melengkapkan dokumen sokongan sebelum pelarasan dibuat mengambil masa dan terdapat kes AP59 yang masih dalam tindakan Perbendaharaan. Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa beberapa langkah penambahbaikan telah diambil seperti berikut:*

- i. *Memberi teguran atau peringatan serius kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Perkhidmatan yang terlibat;*
- ii. *Mengadakan Mesyuarat Pengurusan AP59 bersama Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian;*
- iii. *Mengarahkan Kementerian atau Jabatan mengadakan kursus pengurusan kewangan dan perolehan secara berkala; dan*
- iv. *Menyediakan Garis Panduan atau Standard Operating Procedure (SOP) dalam pengurusan perolehan dan kewangan yang teratur dan cekap.*

**"Pada pendapat Audit, bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 akan menjelaskan bajet kewangan tahun semasa dan seterusnya menjelaskan pencapaian objektif yang ditetapkan."**

### **8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas dan Akaun Amanah Am. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan Wang Amanah Awam yang dilaporkan berjumlah RM10.211 bilion iaitu meningkat sejumlah RM949.45 juta atau 10.3% berbanding tahun 2017. Antara Kumpulan Wang Amanah Awam yang merekodkan peningkatan adalah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (RM494.82 juta), Dana Khas (RM157.33 juta), Tabung Bantuan Insolvensi (RM60.34 juta) dan penubuhan Akaun Amanah baharu iaitu Tabung Harapan Malaysia (RM201.90 juta). Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.28**.

**JADUAL 2.28**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Amanah Khas	3,130.82	2,984.70	146.12	4.9
2.	Amanah Am	7,080.57	6,277.24	803.33	12.8
<b>JUMLAH</b>		<b>10,211.39</b>	<b>9,261.94</b>	<b>949.45</b>	<b>10.3</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

### **8.2.1. Akaun Amanah Khas**

Akaun Amanah Khas adalah akaun yang ditubuhkan di bawah akta tersendiri antaranya adalah Akaun Amanah Estet Kebankrapan, Kumpulan Wang Dius Api dan Akaun Amanah Am Pelikuidasi. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Khas telah meningkat sejumlah RM146.12 juta atau 4.9% berbanding tahun 2017. Peningkatan baki akaun amanah ini disebabkan peningkatan oleh Akaun Amanah Estet Kebankrapan berikutan peningkatan kes kebankrapan.

### **8.2.2. Akaun Amanah Am**

Pada akhir tahun 2018, sebanyak 282 Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Akta ini berbaki RM7.081 bilion. Analisis Audit dibuat terhadap dua (2) akaun amanah iaitu Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta.

- i. Pelaksanaan projek pembangunan melalui konsep insentif pembiayaan swasta telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2006. Antara rasional pelaksanaannya adalah untuk menjana pertumbuhan ekonomi Negara dengan mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan. Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pembiayaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) berjumlah RM20 bilion bagi membiayai sebanyak 549 projek pembangunan fizikal. Selain itu, sejumlah RM670.40 juta telah digunakan bagi bayaran balik pinjaman.
- ii. Pada 23 Disember 2011, Kerajaan telah menubuhkan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI II) bagi mengakaunkan dana yang diperoleh daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan MKD Aman Makmur Sdn. Bhd. menerusi pinjaman daripada KWSP. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah terimaan yang telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini adalah berjumlah RM23.6 bilion. Pecahan

terimaan dana daripada kedua-dua syarikat adalah seperti dalam **Jadual 2.29**.

**JADUAL 2.29**  
**TERIMAAN DANA MENGIKUT SYARIKAT**

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)
1.	Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	10,000
2.	MKD Makmur Sdn. Bhd.	13,600
<b>JUMLAH</b>		<b>23,600</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2018

**a. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta**

- Berdasarkan laporan pelaksanaan projek di Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) sehingga 21 April 2019, sebanyak 337 projek telah siap sepenuhnya, satu (1) projek di bawah Kementerian Dalam Negeri masih dalam pelaksanaan dan 211 projek di peringkat bayaran akaun muktamad. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.30**.

**JADUAL 2.30**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA**  
**SETAKAT 21 APRIL 2019**

BILANGAN KESELURUHAN PROJEK FIZIKAL	STATUS PELAKSANAAN PROJEK		
	TELAH SIAP	DALAM PELAKSANAAN	AKAUN MUKTAMAD
549	337	1	211

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan, JPM

- Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan tahun 2018 bagi Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) adalah seperti berikut:

**• Perbelanjaan Melebihi Peruntukan**

Berdasarkan Laporan Prestasi Perbelanjaan PFI sejumlah RM1.73 juta telah lebih dibelanjakan oleh dua (2) kementerian bagi enam (6) projek seperti dalam **Jadual 2.31**.

**JADUAL 2.31**  
**PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

BIL.	BUTIRAN PROJEK	SURAT KUASA BERBELANJA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	
			SEBENAR	MELEBIHI PERUNTUKAN
<b>Kementerian Dalam Negeri</b>				
1.	Pusat Latihan Zon Tenggara Dungun, Terengganu	144.83	144.87	0.04
2.	Pusat Pertahanan Awam Negeri Kedah	22.30	22.46	0.16

BIL.	BUTIRAN PROJEK	SURAT KUASA BERBELANJA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	
			SEBENAR	MELEBIHI PERUNTUKAN
3.	Pusat Pertahanan Awam Negeri Pahang	25.37	25.52	0.15
4.	Pusat Pertahanan Awam Negeri Sarawak	16.98	17.08	0.10
<b>Kementerian Pendidikan Malaysia</b>				
5.	Eng Lang. Tech Centre (ELTC)	74.11	74.99	0.88
6.	MP Kent Tuaran Sabah	155.77	156.17	0.40
<b>JUMLAH</b>		<b>439.36</b>	<b>441.09</b>	<b>1.73</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahun 2018

## b. Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI II)

### i. Pembiayaan Projek Bukan Fizikal

Skop penggunaan dana Akaun Amanah PFI II telah diperluaskan berbanding Akaun Amanah PFI dengan meliputi projek bukan fizikal seperti penyaluran geran, pemberian biasiswa dan pelaksanaan program. Antara projek bukan fizikal yang dibiayai adalah seperti dalam **Jadual 2.32**.

**JADUAL 2.32**  
**CONTOH PEMBIAYAAN PROJEK BUKAN FIZIKAL**

BIL.	BUTIRAN PROJEK	AMAUN PEMBIAYAAN (RM JUTA)
1.	MyCreative Ventures	200.00
2.	Tambahan Peruntukan Modal Danajamin	100.00
3.	Program SAY 1Malaysia ( <i>Strategic Action For Youth</i> )	114.08
4.	Dana Khas Pendidikan Mara	100.00
5.	Penyeragaman Harga Barang Keperluan Di Sabah, Sarawak Dan Wilayah Persekutuan Labuan	129.88
6.	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga	320.00
7.	Program Persediaan Pengeksport Bumiputera	100.00
8.	Biasiswa/Pinjaman Dalam/Luar Negara	1,316.68
9.	Biasiswa/Pinjaman Pelajaran MARA	680.00
10.	Biasiswa Kementerian Kesihatan Malaysia	208.08
11.	Penganjuran Sukan SEA Dan Para ASEAN	450.00
12.	Program Biasiswa Dan Bantuan Kewangan KPT	187.52

Sumber : Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 9 Hingga  
29 Julai 2019**

*Penggunaan Dana PFI bagi projek bukan fizikal adalah tidak bertentangan dengan Arahan Amanah dan telah mendapat persetujuan bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang bertindak sebagai pembiaya. Selain itu, pembiayaan ini juga turut membantu dalam meningkatkan pencapaian ke atas matlamat utama yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-11.*

*Sebagai contoh, penyaluran geran kepada TEKUN dan MyCreative Ventures adalah salah satu sumber pembiayaan yang ditawarkan Kerajaan kepada usahawan untuk mengembangkan perniagaan yang memberi impak kepada pewujudan peluang pekerjaan dan penguasaan ekonomi golong B40 dalam bidang keusahawanan.*

**"Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek bukan fizikal ini memberi impak ekonomi dalam jangka masa pendek dan lebih sesuai dibiayai dengan peruntukan mengurus kerana outcome atau prestasi projek bukan fizikal tidak dapat diukur. Memandangkan sumber akaun amanah ini adalah dari pinjaman, perbelanjaan ini akan menyebabkan bebanan kewangan tambahan kepada Kerajaan."**

**ii. Pemberian Pinjaman Dan Pendahuluan**

Berdasarkan senarai projek yang dibiayai oleh Akaun Amanah PFI II di peringkat Kementerian Kewangan, pihak Audit mendapati dua (2) butiran projek melibatkan penyaluran peruntukan berjumlah RM2.400 bilion kepada dua (2) anak syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah dan dokumen sokongan berkaitan, syarikat berkenaan mempunyai obligasi bayaran balik kepada Kerajaan. Sehubungan itu, pihak Audit berpendapat penyaluran geran ini adalah bersifat pinjaman atau pendahuluan dan tidak wajar menggunakan dana Akaun Amanah ini. **Sebaliknya, geran pinjaman ini lebih sesuai disalurkan melalui Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Badan Lain sebagai Pinjaman Boleh Dituntut.** Perincian lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.33**.

**JADUAL 2.33**  
**KEDUDUKAN PENDAHULUAN DAN PINJAMAN**

BIL.	BUTIRAN PROJEK	AMAUN PENYALURAN (RM Juta)	PENEMUAN AUDIT
1.	Penyaluran Geran Bagi Pelaksanaan Projek Bandar Malaysia	1,000.00	Dana telah disalurkan kepada TRX City Sdn. Bhd. melalui Aroma Teraju Sdn. Bhd. (anak syarikat MKD*) dalam bentuk <i>shareholder advance</i> dan perlu dibayar semula selepas pembidaan semula projek Bandar Malaysia disempurnakan.
2.	Pengambil alihan Northern Gateway Oleh MKD Kenchana	1,400.00	Bayaran balik akan dibuat selepas kerja-kerja pembangunan tanah selesai.
<b>JUMLAH</b>		<b>2,400.00</b>	

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

Nota: MKD - Menteri Kewangan Diperbadankan

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 9 Hingga 29 Julai 2019**

*Kementerian Kewangan berpandangan penggunaan dana RM1 bilion kepada TRX City Sdn Bhd adalah wajar kerana keperluan yang amat mendesak bagi memenuhi obligasi pembayaran berikutan pembatalan Perjanjian Jual Beli Saham Bandar Malaysia. Ia juga telah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan disalurkan dalam bentuk shareholder advance yang dijangka akan dibayar semula daripada hasil monetization projek Bandar Malaysia.*

*Bagi penyaluran kepada MKD Kenchana Sdn. Bhd. dalam bentuk shareholder advance yang telah diluluskan Menteri Kewangan II adalah bertujuan pengambilalihan syarikat Northern Gateway Sdn. Bhd.. Bayaran balik akan dibuat setelah syarikat menjana keuntungan daripada pembangunan tanah secara berperingkat dalam tempoh 15 tahun.*



*“Pihak Audit mengesyorkan Kementerian Kewangan mengkaji balik kewajaran pemberian dan pinjaman kepada syarikat menggunakan dana Akaun Amanah PFI II.”*

### iii. Penyaluran Geran Pembangunan

Pada tahun kewangan 2018, dua (2) projek telah diwujudkan di bawah Akaun Amanah PFI II dengan siling projek berjumlah RM3.543 bilion bagi tempoh tujuh (7) tahun sehingga tahun 2024. Bagi tahun 2018, peruntukan sejumlah RM344 juta telah disalurkan kepada Projek Tun

Razak Exchange dan sejumlah RM572.70 juta disalurkan kepada Projek Penempatan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Kerajaan juga menjangkakan pulangan pelaburan daripada penyaluran geran ini dengan nilai anggaran sejumlah RM5.690 bilion setelah projek siap. **Berdasarkan polisi perakaunan tunai ubah suai, transaksi ini hanya dilaporkan sebagai perbelanjaan Akaun Amanah berbanding sebagai pelaburan Kerajaan.**

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 9 Hingga 29 Julai 2019**

*Berdasarkan perakaunan tunai ubah suai, nilai pegangan MKD berserta kos pelaburan yang di buat ke atas syarikat MKD yang berkaitan sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan atau Penyata Memorandum Pelaburan. Di samping itu, penyaluran geran akan dilaporkan sebagai perbelanjaan.*

*Syarikat yang terlibat hanyalah merupakan anak syarikat MKD. Sekiranya saham syarikat berkenaan dipindah milik kepada MKD, syarikat berkenaan akan dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan atau Penyata Memorandum Pelaburan.*

**iv. Prestasi Pelaksanaan Projek**

Berdasarkan laporan pelaksanaan projek di Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) sehingga 21 April 2019, sebanyak 151 projek telah siap sepenuhnya, manakala 183 projek dalam pelaksanaan dan 100 projek dalam peringkat bayaran muktamad. Sebanyak 157 projek masih dalam proses perancangan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.34**.

**JADUAL 2.34**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK PFI II SETAKAT 21 APRIL 2019**

BILANGAN KESELURUHAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK			
	TELAH SIAP	DALAM PELAKSANAAN	BAYARAN MUKTAMAD	BELUM MULA
591	151	183	100	157

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan, JPM

Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI II) pada 31 Disember 2018 seperti berikut:

- Perbelanjaan Melebihi Peruntukan**

Tiga (3) kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM43.81 juta bagi 14 projek seperti dalam **Jadual 2.35**.

**JADUAL 2.35**  
**PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN**

BIL.	KEMENTERIAN	BIL PROJEK	SURAT KUASA BERBELANJA (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				SEBENAR (RM Juta)	MELEBIHI PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Kerja Raya Malaysia	1	2.92	3.10	0.18
2.	Pendidikan Malaysia	12	747.19	789.73	42.54
3.	Kesihatan Malaysia	1	6.34	7.43	1.09
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>756.45</b>	<b>800.26</b>	<b>43.81</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

- Peruntukan Belum Dibelanjakan**

Pada 31 Disember 2018, peruntukan bagi lima (5) projek di empat (4) kementerian masih belum dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.36**.

**JADUAL 2.36**  
**PERUNTUKAN BELUM DIBELANJAKAN**

BIL.	KEMENTERIAN	PROJEK	SURAT KUASA BERBELANJA	
			(RM Juta)	TARIKH
1.	Dalam Negeri	Access Control & Security Control System	1.10	05.02.2015
2.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Projek Pembinaan Rumah Generasi Kedua Luar Bandar (Rumah Bina Negara) RISDA	20.00	15.06.2017
3.	Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	Kinabalu Creative & Digital Centre	1.00	14.09.2017
4.	Pendidikan Malaysia	Projek Pertukaran Fungsi Kampus Institut Pendidikan Guru Tun Hussein Onn Batu Pahat Kepada Kolej Vokasional Tun Hussein Onn Batu Pahat	50.00	11.09.2017
5.		Projek Pertukaran Fungsi Kampus Institut Pendidikan Guru Kota Bharu Kepada Kolej Vokasional Kota Bharu		
<b>JUMLAH</b>			<b>72.10</b>	

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

**"Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan dana PFI akan menyebabkan terimaan pinjaman tidak dapat dioptimumkan mengikut objektif yang ditetapkan."**

### 8.3. Akaun Deposit

- a. Deposit merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Tak Dituntut, Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Mahkamah Tinggi. Pada akhir tahun 2018, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM10.793 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.661 bilion atau 6.5% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM10.132 bilion.
- b. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diwujudkan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal, Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Secara keseluruhannya, baki Akaun Deposit Pelarasan menunjukkan peningkatan daripada RM0.986 bilion pada akhir tahun 2017 kepada RM1.066 bilion pada akhir tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.37**.

**JADUAL 2.37**  
**KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	KATEGORI DEPOSIT	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Deposit Am	10,792.82	10,132.06	660.76	6.5
2.	Deposit Pelarasan	1,066.29	986.35	79.94	8.1
<b>JUMLAH</b>		<b>11,859.11</b>	<b>11,118.41</b>	<b>740.70</b>	<b>6.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

### FAKTA PENTING



MEMORANDUM ASET  
RM117.993 bilion



MEMORANDUM LIABILITI  
RM1.021 trillion

**PINJAMAN DAN PENDAHULUAN**  
**BOLEH TUNTUT:**  
RM57.901 bilion  
**PELBAGAI ABT:** RM29.033 bilion  
**PELABURAN:** RM31.058 bilion

**HUTANG:** RM741.049 bilion  
**LIABILITI PFI:** RM36.416 bilion  
**KOMITMEN KEWANGAN:**  
RM242.969 bilion  
**PELBAGAI LIABILITI:** RM0.786 bilion

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Akaun Belum Terima dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

**Pada tahun 2018, kedudukan aset yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Aset adalah berjumlah RM117.993 bilion berbanding kedudukan liabiliti dalam Penyata Akaun Memorandum Liabiliti berjumlah RM1.021 trillion.**

#### 9.1. Memorandum Aset

##### 9.1.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada hasil, pinjaman dan hutang lain. Secara keseluruhannya, ABT Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM86.935 bilion yang terdiri daripada Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

### 9.1.1.1. Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut merupakan pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, koperasi, pelbagai agensi dan perseorangan. Pada 31 Disember 2018, baki belum selesai pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut (prinsipal) adalah berjumlah RM57.901 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.542 bilion atau 0.9% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM58.444 bilion. Butirannya seperti dalam **Jadual 2.38**.

**JADUAL 2.38**  
**KEDUDUKAN BAKI BELUM SELESAI PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT	BAKI BELUM SELESAI PADA		PERUBAHAN	
		31.12.2018 (RM Juta)	31.12.2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kerajaan Negeri	18,221.26	18,785.07	-563.81	-3.0
	<i>Pinjaman</i>	16,961.13	17,425.77	-464.64	-2.7
	<i>Pendahuluan</i>	1,260.13	1,359.30	-99.17	-7.3
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	192.12	298.35	-106.23	-35.6
3.	Badan Berkanun	6,328.48	6,338.02	-9.54	-0.2
4.	Koperasi	265.20	270.83	-5.63	-2.1
5.	Syarikat	30,764.10	30,521.78	242.32	0.8
6.	Pelbagai Agensi	1,760.46	1,864.07	-103.61	-5.6
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>57,531.62</b>	<b>58,078.12</b>	<b>-546.50</b>	<b>-0.9</b>
7.	Perseorangan	369.71	365.63	4.08	1.1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>57,901.33</b>	<b>58,443.75</b>	<b>-542.42</b>	<b>-0.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan 2018

Analisis Audit terhadap pinjaman dan pendahuluan boleh dituntut termasuk tunggakan dan faedah pinjaman boleh dituntut sejumlah RM2.133 bilion dan tidak termasuk baki pinjaman perseorangan yang berjumlah RM369.71 juta adalah seperti berikut:

#### a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman dan Pendahuluan

Berdasarkan rekod pinjaman dan pendahuluan kerajaan negeri, syarikat, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pelbagai agensi, perbadanan kemajuan negeri dan koperasi, 533 atau 51.1% daripada 1,043 akaun pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM10.870 bilion dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 38 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman ini menurun sejumlah RM0.666 bilion atau 5.8% berbanding dengan RM11.536 bilion pada akhir tahun 2017. Penurunan jumlah tunggakan

bayaran balik pinjaman ini antaranya disebabkan oleh hapus kira pinjaman yang diluluskan berjumlah RM0.504 bilion atau 75.7%. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.39**.

**JADUAL 2.39**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	PEMINJAM	BIL. AKAUN	PINJAMAN ADA TUNGGAKAN						
			ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2018	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2017	PERUBAHAN (RM Juta)	(% )	TEMPOH* (TAHUN)
			BIL.	(%)	(RM Juta)	(RM Juta)			
1.	Kerajaan Negeri	897	448	49.9	4,785.31	4,680.77	104.54	2.2	1 – 38
2.	Syarikat**	103	58	56.3	5,328.29	4,611.29	717.00	15.5	1 – 17
3.	Badan Berkanun	12	9	75.0	420.61	1,696.78	-1,276.17	-75.2	1 – 23
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	4	1	25.0	42.02	220.67	-178.65	-81.0	26
5.	Pelbagai Agensi	16	6	37.5	249.91	297.74	-47.83	-16.1	1 – 8
6.	Koperasi	11	11	100.0	44.19	29.13	15.06	51.7	2 – 38
<b>JUMLAH/TEMPOH</b>		<b>1,043</b>	<b>533</b>	<b>51.1</b>	<b>10,870.33</b>	<b>11,536.38</b>	<b>-666.05</b>	<b>-5.8</b>	<b>1 – 38</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

Nota : (\*) – Tempoh Tuggakan Ansuran di Jadual Bayaran Balik Hingga Tahun Penyata Kewangan Diaudit

(\*\*) – Tidak Termasuk Tuggakan Pinjaman Syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. Yang Telah Diluluskan Untuk Dihapus Kira

**i. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman dan Pendahuluan Kerajaan Negeri**

Pada 31 Disember 2018, tuggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM0.104 bilion atau 2.2% iaitu daripada RM4.681 bilion pada akhir tahun 2017 kepada RM4.785 bilion pada akhir tahun 2018. Peningkatan tuggakan ini melibatkan pinjaman kepada lapan (8) negeri, manakala tuggakan bayaran balik pinjaman bagi tiga (3) negeri iaitu Sabah, Selangor dan Terengganu telah mencatatkan penurunan. Sejumlah RM0.520 bilion atau 9.3% telah dibayar balik oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding dengan RM5.583 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tuggakan tahun 2017 dan anuiti tahun 2018). Kedudukan tuggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri adalah seperti dalam **Jadual 2.40**.

**JADUAL 2.40**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK						
		BIL	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
1.	Pahang	141	126	89.4	1,227.60	154.13	-6.64	-104.55 ***	1,270.54	1 – 37
2.	Kedah	99	89	89.9	1,117.50	119.32	-30.03	-47.68 **	1,159.11	1 – 31
3.	Melaka	56	56	100.0	461.64	61.35	-6.32	-	516.67	2 – 13
4.	Kelantan	44	34	77.3	438.78	57.79	-5.74	-	490.83	1 – 38
5.	Terengganu	92	75	81.5	536.08	38.93	-10.53	-142.36 ***	422.12	1 – 19
6.	Johor	29	3	10.3	334.52	6.67	-8.58	1.91 *	334.52	25 – 38
7.	Negeri Sembilan	19	16	84.2	231.71	46.77	-2.00	-	276.48	1 – 16
8.	Perlis	37	34	91.9	229.88	14.78	-0.38	-	244.28	1 – 24
9.	Sarawak	223	2	0.9	41.74	209.02	-204.23	-	46.53	3 – 11
10.	Perak	26	13	50.0	17.86	14.37	-8.00	-	24.23	1 – 8
11.	Sabah	110	-	-	29.60	151.04	-195.62	14.98 ****	-	-
12.	Selangor	12	-	-	13.86	22.81	-36.67	-	-	-
13.	Pulau Pinang	9	-	-	-	5.07	-5.07	-	-	-
<b>JUMLAH/TEMPOH</b>		<b>897</b>	<b>448</b>	<b>49.9</b>	<b>4,680.77</b>	<b>902.05</b>	<b>-519.81</b>	<b>-277.7</b>	<b>4,785.31</b>	<b>1 – 38</b>

**Sumber:** Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**Nota:**

\* Bayaran Tahun Semasa Melebihi Anuiti Tahun Semasa Bagi Kerajaan Negeri Johor

\*\* Hapus Kira Pinjaman Kerajaan Negeri Kedah

\*\*\* Tunggakan Tahun 2017 Yang Dihapus Kira Bagi Kerajaan Negeri Pahang Dan Terengganu

\*\*\*\* Pelarasian Penjadualan Semula Pinjaman Kerajaan Negeri Sabah

- Pada 31 Disember 2018, dua (2) negeri iaitu Kelantan dan Perlis masih belum menjelaskan sepenuhnya pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.31 juta. Tunggakan tahun 2018 berkurangan sejumlah RM54.05 juta berbanding tahun 2017. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.41**.

**JADUAL 2.41**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PENDAHULUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KERAJAAN NEGERI	TUNGGAKAN		PERUBAHAN		TEMPOH
		31.12.2018 (RM Juta)	31.12.2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Kelantan	19.00	17.00	2.00	11.8	2018
2.	Perlis	9.31	7.00	2.31	33.0	2017 dan 2018
3.	Melaka	-	50.18	-50.18	-100.0	-
4.	Selangor	-	3.18	-3.18	-100.0	-
5.	Kedah	-	5.00	-5.00	-100.0	-
<b>JUMLAH</b>		<b>28.31</b>	<b>82.36</b>	<b>-54.05</b>	<b>-65.6</b>	<b>2017 dan 2018</b>

**Sumber:** Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

## ii. Tunggakan Bayaran Balik Syarikat

- Pada 31 Disember 2018, sebanyak 58 atau 56.3% daripada 103 pinjaman yang disalurkan kepada 29 syarikat mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.328 bilion dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 17 tahun. Tunggakan ini meningkat sejumlah RM0.717 bilion atau 15.5% disebabkan syarikat hanya membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.234 bilion atau 4.3% berbanding dengan RM5.409 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan tahun 2017 dan anuiti tahun 2018). Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat pada akhir tahun 2018 dan tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.42**.

**JADUAL 2.42**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	SYARIKAT	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
1.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)	3	3	100.0	1,738.55	246.13	-	34.77	2,019.45	7
2.	Cyberview Sdn. Bhd.	4	2	50.0	582.85	37.94	-8.77	11.76	623.78	8
3.	Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.	6	6	100.0	507.62	28.96	-30.00	37.38	543.96	1 – 2
4.	SRC International Sdn. Bhd.	3	2	66.7	312.28	-	-	12.47	324.75	1 – 2
5.	Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	1	100.0	223.40	-	-	-	223.40	10
6.	Malaysia Venture Capital Management Berhad	2	1	50.0	203.10	-	-6.47	8.81	205.44	7
7.	Perwaja Steel Sdn. Bhd.	1	1	100.0	156.20	-	-	9.37 ****	165.57	10
8.	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad	3	1	33.3	115.85	19.82	-117.31	-14.97 *	3.39	13 – 17
9.	Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100.0	109.39	-	-	6.67 ****	116.06	10
10.	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	5	3	60.0	95.39	20.50	-	7.45 ****	123.34	4
11.	UDA Holdings Berhad	1	1	100.0	88.40	138.25	-17.76	9.79 ****	218.68	1
12.	Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	22	6	27.3	87.98	123.03	-2.03	16.50 **	225.48	1

BIL.	SYARIKAT	PINJAMAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK						
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
13.	National Feedlot Corporation Sdn. Bhd.	1	1	100.0	73.43	17.49	-	1.75 ****	92.67	4
14.	Malaysia Building Society Berhad	1	1	100.0	60.53	-	-0.31	-	60.22	8
15.	Premium Agro Products Sdn. Bhd.	1	1	100.0	55.99	-	-	-	55.99	6
16.	Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	4	3	75.0	37.00	50.50	-	2.26 ****	89.76	1
17.	PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	3	3	100.0	35.42	5.31	-0.08	-	40.65	7
18.	Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100.0	33.49	-	-	-	33.49	7
19.	JKP Sdn. Bhd.	2	1	50.0	17.27	0.44	-0.45	1.00 ****	18.26	6
20.	Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100.0	15.82	3.60	-0.99	0.16 ****	18.58	8
21.	SME Ordnance Sdn. Bhd.	1	1	100.0	12.62	-	-	0.77 ****	13.40	7
22.	White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.	1	1	100.0	11.39	-	-	-	11.39	8
23.	M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	1	1	100.0	11.00	1.89	-	0.76 ****	13.65	5
24.	Agro Qas Sdn. Bhd.	1	1	100.0	8.36	-	-	-	8.36	7
25.	Syarikat Tanjung Langsat Sdn. Bhd.	1	1	100.0	6.90	7.24	-	0.21 ****	14.35	1
26.	A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd.	1	1	100.0	5.53	-	-	-	5.53	8
27.	MIMOS Berhad	1	1	100.0	2.85	-	-	-	2.85	7
28.	Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	1	100.0	1.81	0.65	-	-	2.46	3
29.	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.	1	-	100.0	0.87	4.78	-12.30	6.65 ***	-	-
30.	FELCRA Berhad	28	10	35.7	-	91.21	-37.91	0.07 ****	53.37	0
<b>JUMLAH/TEMPOH</b>		<b>103</b>	<b>58</b>	<b>56.3</b>	<b>4,611.29</b>	<b>797.74</b>	<b>-234.38</b>	<b>153.63</b>	<b>5,328.28</b>	<b>1 – 17</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**Nota:**

- \* Pelarasan bayaran balik faedah bagi dua (2) pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- \*\* Pindaan jumlah bayaran balik pinjaman tahun 2017 berjumlah RM12.48 juta apabila Jadual Bayaran Balik baharu dikeluarkan pada tahun 2018 kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd.. Selain itu, terdapat kenaan faedah lewat tahun semasa berjumlah RM4.02 juta dan pengurangan faedah bagi anuiti kedua bagi tahun 2018 berjumlah RM5,871 kerana bayaran penyelesaian pinjaman telah dibuat sebelum anuiti matang

\*\*\* Penyelesaian awal anuiti matang tahun 2019 telah diterima pada tahun 2018 daripada Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.

\*\*\*\* Pelarasan dan kenaan faedah lewat bayaran balik pinjaman melibatkan 17 peminjam dengan jumlah keseluruhan kenaan faedah lewat sejumlah RM145.50 juta (tidak termasuk Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad)

- Pengiraan tunggakan pinjaman ini tidak termasuk tunggakan pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang telah diluluskan untuk hapus kira pada 12 Ogos 2009. Baki tunggakan syarikat pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM638.81 juta bagi dua (2) pinjaman yang mempunyai Jadual Bayaran Balik, manakala tiga (3) pinjaman yang tidak mempunyai Jadual Bayaran Balik adalah berjumlah RM2.186 bilion.

### **Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 13 September 2019**

*Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan penangguhan bayaran balik FELCRA Berhad bagi bulan Disember 2018 dan tahun 2019.*

### **iii. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun**

- Pada 31 Disember 2018, empat (4) Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik bagi sembilan (9) pinjaman berjumlah RM0.421 bilion dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 23 tahun. Tunggakan ini menurun sejumlah RM1.276 bilion atau 75.2% berbanding RM1.697 bilion pada akhir tahun 2017 disebabkan penjadualan semula tiga (3) pinjaman Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) berjumlah RM1.602 bilion. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Perbadanan Aset Keretapi tidak membuat sebarang bayaran balik pinjaman. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.43.**

**JADUAL 2.43**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	BADAN BERKANUN	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
1.	Perbadanan Aset Keretapi	6	6	100.0	405.84	2.34	-	-	408.18	13
2.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	2	1	50.0	10.21	2.05	-2.05	-	10.21	23
3.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	1	1	100.0	-	1.79	-	-	1.79	1

BIL.	BADAN BERKANUN	PINJAMAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK						
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
4.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKEN)	1	1	100.0	-	1.29	-0.87	0.01	0.43	1
5.	Lembaga Pelabuhan Kelang	2	-	-	1,280.73	544.23	-222.60	-1,602.36	-	-
<b>JUMLAH/ TEMPOH</b>		<b>12</b>	<b>9</b>	<b>75.0</b>	<b>1,696.78</b>	<b>551.70</b>	<b>-225.52</b>	<b>-1,602.35</b>	<b>420.61</b>	<b>1 – 23</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

#### iv. Tunggakan Bayaran Balik Pihak Berkuasa Tempatan

- Pada 31 Disember 2018, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempunyai satu (1) tunggakan bayaran balik pinjaman bagi satu (1) pinjaman berjumlah RM42.02 juta berbanding RM220.68 juta pada tahun 2017 dengan tempoh tunggakan pinjaman 26 tahun. Selain itu, DBKL juga telah diluluskan hapus kira pinjaman berjumlah RM178.66 juta.

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 13 September 2019**

*Amaun RM42.02 juta telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri untuk hapus kira. Penyelarasan jumlah hutang akan dibuat dan seterusnya disifarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia selepas tapak tanah dan sistem pembentungan setiap Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat diwartakan kepada Pengarah Tanah Dan Galian.*

#### v. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

- Pada 31 Disember 2018, dua (2) agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM249.91 juta dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu (1) hingga lapan (8) tahun. Tunggakan ini telah berkurangan sejumlah RM47.83 juta atau 16.1% berbanding RM297.74 juta pada akhir tahun 2017 disebabkan pelarasian bayaran balik melalui Akaun Deposit Pinjaman Boleh Tuntut. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pelbagai agensi adalah seperti dalam **Jadual 2.44**.

**JADUAL 2.44**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
1.	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	8	5	62.5	198.79	64.30	-8.00	-14.67	240.42	1 – 6
2.	Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL)	1	1	100.0	8.95	-	-	0.54	9.49	8
3.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	7	-	-	90.00	43.37	-132.03	-1.34	-	0
<b>JUMLAH/TEMPOH</b>		<b>16</b>	<b>6</b>	<b>37.5</b>	<b>297.74</b>	<b>107.67</b>	<b>-140.03</b>	<b>-15.47</b>	<b>249.91</b>	<b>1 – 8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**vi. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi**

- Pada 31 Disember 2018, tiga (3) koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM44.19 juta dengan tempoh tunggakan adalah antara dua (2) hingga 38 tahun. Penalti berjumlah RM1.88 juta telah dikenakan ke atas tunggakan bagi Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS). Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.45**.

**JADUAL 2.45**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN TAHUN 2017**

BIL.	KOPERASI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					
		BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2017 (RM Juta)	ANUITI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	31.12.2018 (RM Juta)	TEMPOH (Tahun)
			BIL.	%						
1.	Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad(MOCCIS)	1	1	100	14.21	13.41	-0.10	1.88	29.40	2
2.	Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)	9	9	100	9.69	-	-0.04	-	9.65	32 – 38
3.	Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP)	1	1	100	5.22	-	-0.08	-	5.14	21
<b>JUMLAH/TEMPOH</b>		<b>11</b>	<b>11</b>	<b>100</b>	<b>29.12</b>	<b>13.41</b>	<b>-0.22</b>	<b>1.88</b>	<b>44.19</b>	<b>2 – 38</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada 24 Julai 2019**

*Kementerian Kewangan sedang mengambil tindakan pro-aktif seperti berikut:*

- Pengeluaran notis kepada peminjam sebelum bayaran balik matang.*
- Pengeluaran Surat Peringatan Pertama, Kedua dan Ketiga kepada peminjam bagi tunggakan bayaran balik.*

- *Perbincangan dengan peminjam bagi mengatasi masalah bayaran balik pinjaman.*
- *Pertimbangan penstruktur atau penjadualan semula pinjaman.*
- *Tindakan undang-undang terhadap peminjam yang ingkar.*

#### **9.1.1.2. Pelbagai Akaun Belum Terima**

a. Pelbagai Akaun Belum Terima (ABT) adalah terdiri daripada ABT Hasil dan ABT Hutang-Hutang Lain. Pada 31 Disember 2018, Pelbagai ABT adalah berjumlah RM29.033 bilion setelah mengambil kira amaun hapus kira sejumlah RM79.45 juta. Analisis Audit mendapati sejumlah RM16.186 bilion tunggakan Pelbagai Akaun Belum Terima telah tertunggak antara satu (1) bulan hingga melebihi tempoh 10 tahun yang melibatkan 37 kementerian/jabatan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2.46**.


**JADUAL 2.46**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BERSIH ABT PADA 31 DISEMBER 2018**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	JUMLAH TUNGGAKAN BERSIH			JUMLAH
		≤ 6 TAHUN	6 HINGGA 9 TAHUN	≥ 10 TAHUN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	
1.	Lembaga Hasil Dalam Negeri	8,317.54	734.71	1,640.94	10,693.19
2.	Kastam Diraja Malaysia	3,618.86	311.58	61.72	3,992.16
3.	Pendidikan Malaysia	63.87	285.55	209.71	559.13
4.	Kesihatan Malaysia	261.01	74.53	21.81	357.36
5.	Jabatan Perkhidmatan Awam	89.84	59.12	10.61	159.56
6.	Pembangunan Usahawan	105.62	13.43	8.04	127.08
7.	Wilayah Persekutuan	8.69	48.63	0.51	57.83
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>12,465.43</b>	<b>1,527.55</b>	<b>1,953.34</b>	<b>15,946.31</b>
8.	Kementerian/Jabatan Lain	156.32	57.14	26.13	239.59
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,621.75</b>	<b>1,584.69</b>	<b>1,979.47</b>	<b>16,185.90</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

b. Analisis Audit mendapati hapus kira tunggakan ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun pada tahun 2018 berkurangan sejumlah RM291.45 juta kepada RM22.72 juta berbanding RM314.17 juta pada akhir tahun 2017. Trend hapus kira ABT yang berusia melebihi enam (6) tahun bagi tempoh 2014 hingga 2018 adalah seperti **Carta 2.10**.

**CARTA 2.10**  
**HAPUS KIRA TUNGGAKAN ABT BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 Hingga 2018

*"Adalah ditekankan bahawa setiap kementerian dan jabatan perlu menyelenggara rekod dan menyusul semula kedudukan ABT secara berkala agar tidak melangkau tempoh yang ditetapkan dalam Akta Had Masa 1953 memandangkan ABT yang melebihi enam (6) tahun lebih berpotensi untuk dihapus kira sekiranya peruntukan perundangan tidak dipatuhi. Hapus kira ABT bukan penyelesaian tetapi merupakan satu kerugian kepada Kerajaan."*

#### **9.1.2. Memorandum Aset - Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi Antarabangsa**

- Pada 31 Disember 2018, Kerajaan mempunyai pegangan kepentingan saham di dalam 112 agensi yang terdiri daripada satu (1) agensi antarabangsa, lima (5) Badan Berkanun Persekutuan dan 106 syarikat. Nilai buku pegangan saham Kerajaan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM31.058 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.150 bilion atau 0.5% berbanding RM30.908 bilion pada akhir tahun 2017. Kedudukan pegangan saham Kerajaan pada akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.11**.


**CARTA 2.11**  
**KEDUDUKAN PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

- b. Pada tahun 2018, Kerajaan telah menerima dividen pelaburan berjumlah RM31.889 bilion daripada 24 agensi iaitu meningkat sejumlah RM10.251 bilion atau 47.4% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM21.638 bilion. Penyumbang utama adalah Petroliam Nasional Berhad sejumlah RM26.000 bilion, Bank Negara Malaysia sejumlah RM2.500 bilion dan Khazanah Nasional Berhad sejumlah RM1.630 bilion. Butirannya adalah seperti dalam **Carta 2.12**.

**CARTA 2.12**  
**FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN**



Sumber: Kementerian Kewangan

- c. Adalah didapati pada tahun 2018, pegangan saham Kerajaan di dalam syarikat dimiliki Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) iaitu Export-Import Bank of Malaysia (EXIM Bank) Berhad telah bertambah sejumlah 250 juta unit saham daripada 350 juta unit saham pada tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pegangan saham di dalam EXIM Bank adalah 600 juta unit saham. Penambahan 250 juta unit saham pada tahun

2018 yang dibiayai melalui pendahuluan sejumlah RM250 juta daripada GovCo Holdings Berhad yang juga merupakan syarikat MKD. Bagaimanapun, perolehan ini dilaporkan pada nilai nominal RM1 di dalam Penyata Akaun Memorandum Aset - Pelaburan. Pada bulan Februari 2018, Kementerian Kewangan bersetuju untuk menyediakan peruntukan bayaran balik pendahuluan ini sejumlah RM50 juta setahun untuk tempoh lima (5) tahun.

### **Maklum Balas JANM Yang Diterima Pada 13 September 2019**

*Di bawah perakaunan tunai ubahsuai, nilai nominal bagi sesuatu pelaburan akan dinyatakan apabila terdapat bayaran suntikan modal. Walau bagaimanapun, bagi penambahan pegangan saham EXIM Bank yang berjumlah RM250 juta tiada bayaran yang telah dibuat. Nilai nominal bagi pegangan saham tersebut hanya akan dipinda berdasarkan bayaran yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan kepada GovCo Holdings Berhad mengikut tahun kewangan bayaran tersebut. Bagi tujuan penjelasan, perkara ini telah dinyatakan sebagai Nota di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Di samping itu juga, bayaran pendahuluan sebanyak RM250 juta yang telah diberikan oleh GovCo Holdings Berhad bagi tujuan tersebut juga adalah sebahagian daripada Komitmen Jaminan yang berjumlah RM7.3 bilion di Penyata Akaun Memorandum Liabiliti.*

**"Pada pendapat Audit, pelaburan sebanyak 250 juta unit saham dalam EXIM Bank melalui pendahuluan sejumlah RM250 juta daripada Govco Holdings Berhad dilaporkan pada nilai nominal RM1 tidak menggambarkan kedudukan sebenar pelaburan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018."**

## **10. MEMORANDUM LIABILITI**

### **10.1. Hutang Persekutuan**

10.1.1. Pada akhir tahun 2018, Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM741.049 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM54.212 bilion atau 7.9% berbanding dengan tahun 2017 yang berjumlah RM686.837 bilion. Peningkatan ini disebabkan pada tahun 2018, Kerajaan telah membuat pinjaman baharu berjumlah RM131.599 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM69.111 bilion (52.5%) dibuat oleh Pentadbiran terdahulu manakala RM62.488 bilion (47.5%) dibuat oleh Pentadbiran semasa. Sejumlah RM77.492 bilion (58.9%) daripada RM131.599 bilion tersebut digunakan bagi bayaran balik pinjaman yang matang.

Kedudukan Hutang Persekutuan terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM719.545 bilion atau 97.1% dan hutang luar negeri berjumlah RM21.504 bilion atau 2.9%. Hutang dalam negeri mencatatkan peningkatan yang tinggi iaitu sejumlah RM53.973 bilion atau 8.1% manakala hutang luar negeri meningkat sejumlah RM0.239 bilion atau 1.1%. Perbandingan Hutang Persekutuan pada akhir tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2.47**. Kedudukan Hutang Persekutuan pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2.13. Hutang Persekutuan berjumlah RM741.049 bilion yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang-hutang agensi atau syarikat Kerajaan.**


**JADUAL 2.47**  
**KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2018 (RM Juta)	TAHUN 2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				JUMLAH (RM Juta)	(%)
<b>PINJAMAN DALAM NEGERI</b>					
1.	Bil Perbendaharaan	6,500.00	4,500.00	2,000.00	44.4
2.	Terbitan Pelaburan Kerajaan	304,300.00	268,000.00	36,300.00	13.5
3.	Sekuriti Kerajaan Malaysia	380,345.17	364,671.73	15,673.44	4.3
4.	Sukuk	28,400.00	28,400.00	-	-
<b>JUMLAH PINJAMAN DALAM NEGERI</b>		<b>719,545.17</b>	<b>665,571.73</b>	<b>53,973.44</b>	<b>8.1</b>
<b>PINJAMAN LUAR NEGERI</b>					
5.	Pinjaman Pasaran	15,906.42	15,580.38	326.04	2.1
<b>JUMLAH PINJAMAN LUAR NEGERI</b>		<b>15,906.42</b>	<b>15,580.38</b>	<b>326.04</b>	<b>2.1</b>
<b>BANTUAN LUAR NEGERI</b>					
6.	Pinjaman Multilateral	288.88	370.61	-81.72	-22.1
7.	Pinjaman Bilateral	5,308.24	5,313.93	-5.70	-0.1
<b>JUMLAH BANTUAN LUAR NEGERI</b>		<b>5,597.12</b>	<b>5,684.54</b>	<b>-87.42</b>	<b>-1.5</b>
<b>HUTANG LUAR NEGERI</b>		<b>21,503.54</b>	<b>21,264.92</b>	<b>238.62</b>	<b>1.1</b>
<b>HUTANG PERSEKUTUAN</b>		<b>741,048.71</b>	<b>686,836.65</b>	<b>54,212.06</b>	<b>7.9</b>

**Nota:** Hutang Luar Negeri terdiri daripada Pinjaman Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri

**Sumber:** Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 2.13**  
**KEDUDUKAN HUTANG PERSEKUTUAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

10.1.2. Nisbah hutang persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2018 adalah pada paras 51.8% iaitu meningkat pada kadar 1.0% berbanding tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.48**.

**JADUAL 2.48**

**NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**

PERKARA	2014	2015	2016	2017	2018
	(RM Juta)				
Jumlah Hutang Persekutuan	582,828.24	630,540.44	648,475.30	686,836.65	741,048.71
Kenaikan (%)	7.9	8.2	2.8	5.9	7.9
KDNK	1,070,008	1,156,881	1,229,382	1,352,477	1,429,842
<b>Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK (%)</b>	<b>54.5</b>	<b>54.5</b>	<b>52.7</b>	<b>50.8</b>	<b>51.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018

Nota: Hutang Persekutuan Pada Tahun 2013 Adalah Berjumlah RM539,857.76 Juta

## 10.2 Komitmen Kewangan (Nota 10(c) kepada Penyata Kewangan)

### FAKTA PENTING



#### KOMITMEN KEWANGAN

2018: RM242.969 bilion  
2017: RM214.269 bilion

#### KOMITMEN:

- **JAMINAN:** RM164.908 bilion
- **PAJAKAN:** RM31.518 bilion
- **BAYARAN BALIK CUKAI:** RM44.373 bilion
- **PAMPASAN:** RM2.170 bilion

Komitmen Kewangan menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak-pihak yang berkaitan yang terdiri daripada komitmen jaminan, komitmen pajakan, komitmen bayaran balik cukai dan komitmen

pampasan. Pada tahun 2018, Kerajaan telah melaporkan kedudukan komitmen kewangan Kerajaan berjumlah RM242.969 bilion iaitu meningkat sejumrah RM28.699 bilion atau 13.4% berbanding RM214.269 bilion pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.49**.

**JADUAL 2.49**  
**KOMITMEN KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	BUTIRAN	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Komitmen Jaminan	164,908.47	139,749.17	25,159.30	18.0
2.	Komitmen Pajakan Kewangan	31,517.89	33,421.94	-1,904.05	-5.7
3.	Komitmen Bayaran Balik Cukai	44,372.59	34,259.29	10,113.30	29.5
4.	Komitmen Pampasan	2,169.79	6,839.31	-4,669.52	-68.3
<b>JUMLAH</b>		<b>242,968.74</b>	<b>214,269.71</b>	<b>28,699.03</b>	<b>13.4</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

### 10.2.1. Komitmen Jaminan

- a. Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 dan Akta Tatacara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Kerajaan untuk memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan. Setakat 31 Disember 2018, baki pinjaman yang dijamin Kerajaan kepada 27 syarikat yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri adalah berjumlah RM201.898 bilion. Pinjaman yang diperoleh syarikat tersebut merangkumi pembiayaan melalui pengeluaran sukuk, bon dan pinjaman daripada institusi kewangan. Kerajaan telah mengenal pasti 13 daripada 27 syarikat dengan pinjaman berjumlah RM137.700 bilion sebagai komitmen jaminan disebabkan ketidakupayaan syarikat untuk melunaskan bayaran balik pinjaman berkaitan. Pada tahun 2018, Kerajaan telah memenuhi komitmen bayaran balik pinjaman yang dijamin. Perincian lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.50**.

**JADUAL 2.50**  
**KEDUDUKAN KOMITMEN JAMINAN KERAJAAN**  
**SETAKAT 31 DISEMBER 2018**

BIL.	SYARIKAT	KOMITMEN JAMINAN SETAKAT 31.12.2018 (RM Juta)
1.	Asset Global Network Sdn. Bhd.	227.61
2.	Danainfra Nasional Berhad	52,740.00
3.	Govco Holding Berhad	7,300.00
4.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	5,751.12
5.	K.L. International Airport Berhad	94.38
6.	SRC International Sdn. Bhd.	3,600.00

BIL.	SYARIKAT	KOMITMEN JAMINAN SETAKAT 31.12.2018 (RM Juta)
7.	Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	7,925.26
8.	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	18,862.35
9.	MKD Kenchana Sdn. Bhd.	3,500.00
10.	Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	800.00
11.	Prasarana Malaysia Berhad	31,414.00
12.	1Malaysia Development Sdn. Bhd.	5,000.00
13.	TRX City Sdn. Bhd.	485.40
<b>JUMLAH</b>		<b>137,700.12</b>

*Sumber: Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan*

b. Analisis Audit terhadap komitmen jaminan mendapati perkara seperti berikut:

- i. Jaminan Kerajaan terhadap pinjaman yang diperoleh lima (5) syarikat berjumlah RM76.075 bilion telah diluluskan sebelum tahun 2018 oleh Pentadbiran terdahulu. Setakat 31 Disember 2018, pinjaman ini masih berbaki RM66.341 bilion yang akan matang sehingga tahun 2041 kecuali satu pinjaman berbaki RM94.38 juta yang akan tamat pada tahun 2019.
- ii. Pada tahun 2018, Kerajaan telah mendahulukan sebahagian bayaran balik pinjaman yang dijamin dan matang berjumlah RM2.839 bilion bagi pihak syarikat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, RM1.753 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran terdahulu manakala sejumlah RM1.086 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran semasa. Pentadbiran semasa telah meneruskan komitmen ini bagi mengelakkan *event of default* yang boleh mengakibatkan obligasi bayaran balik keseluruhan pinjaman oleh Kerajaan. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, syarikat mempunyai obligasi untuk membuat bayaran balik kepada Kerajaan keseluruhan bayaran yang telah didahulukan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, keupayaan kelima-lima syarikat untuk membayar balik pendahuluan yang telah diberi tidak dapat dipastikan. Penyaluran dana ini telah diakaunkan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Belanja Mengurus) seperti dalam **Jadual 2.51**.

**JADUAL 2.51**  
**PERUNTUKAN KEWANGAN KERAJAAN BAGI BAYARAN BALIK**  
**SEBAHAGIAN PINJAMAN SYARIKAT**

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	JAMINAN PINJAMAN PADA 31.12.2018 (RM Juta)	OBLIGASI BAYARAN BALIK BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 (RM Juta)	PENYALURAN PERUNTUKAN KERAJAAN	
					(RM Juta)	TARIKH
1.	K.L. International Airport Berhad	3,693.77	94.38	99.25	42.43	09.01.2018
					41.79	13.07.2018
2.	GoVco Holding Berhad	8,800.00	7,300.00	1,500.00	1,500.00	08.02.2018
3.	Asset Global Network Sdn. Bhd.	1,011.60	455.22	142.22	60.90	28.03.2018
4.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd.	7,830.00	5,751.12	342.63	150.00	26.03.2018
					44.10	07.11.2018
5.	Danainfra Nasional Berhad	54,740.00	52,740.00	3,900.00	1,000.00	27.09.2018
<b>JUMLAH</b>		<b>76,075.37</b>	<b>66,340.72</b>	<b>5,984.10</b>	<b>2,839.22</b>	

Sumber: Bahagian Pelaburan Strategik & Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

**Maklum Balas Kementerian Kewangan Yang Diterima Pada  
26 Julai 2019**

*Penyaluran peruntukan kepada syarikat telah diluluskan oleh Parlimen. Syarikat yang menerima peruntukan berkenaan adalah Special Purpose Vehicle yang tidak mempunyai pendapatan dan aliran tunai negatif. Tindakan Kerajaan menyalurkan peruntukan bagi membiayai bayaran balik pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah satu tindakan proaktif atau prevention bagi mengelakkan perlakunya event of default yang akan menyebabkan cross default iaitu pembayaran baki pinjaman secara lump sum. Selain itu, event of default juga akan menjaskan rating Kerajaan serta syarikat di pasaran kewangan. Sekiranya syarikat diberikan pinjaman atau pendahuluan, Kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang besar untuk hapus kira. Sehubungan itu, tindakan Kerajaan ini adalah langkah yang terbaik.*



*"Memandangkan Kerajaan diberi kuasa untuk memberikan jaminan pinjaman di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, maka satu dasar perlu ditetapkan merangkumi had siling jaminan Kerajaan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan keupayaan kewangan syarikat serta daya maju projek yang akan dibiayai oleh syarikat. Dasar ini boleh membantu dalam mengawal penambahan bebanan hutang Kerajaan Persekutuan."*

- iii. Selain itu, SRC International Sdn. Bhd. telah membuat pengeluaran pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang dijamin oleh Kerajaan sejumlah RM2 bilion pada tahun 2011 dan RM2 bilion pada tahun 2012 dengan bayaran balik pinjaman bermula pada tahun 2014. SRC International Sdn. Bhd. turut mendapat pinjaman daripada Kerajaan iaitu pada tahun 2015 sejumlah RM91 juta, 2016 sejumlah RM213.68 juta dan 2017 sejumlah RM296.12 juta dengan jumlah keseluruhan RM600.80 juta. Bagi pinjaman dengan Kerajaan, setakat 31 Disember 2018, SRC International Sdn. Bhd. hanya membuat bayaran balik sejumlah RM3.25 juta atau 1.1% daripada RM304.68 juta amaun pinjaman yang matang dengan tunggakan sejumlah RM301.43 juta. Baki pinjaman berjumlah RM296.12 juta akan matang pada 14 Disember 2019. Manakala bagi pinjaman dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), pada tahun 2018, bayaran balik pinjaman SRC International Sdn. Bhd. yang dijamin oleh Kerajaan berjumlah RM453.66 juta telah menggunakan sumber Dana Fasilitasi di Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Pada tahun 2018, SRC International Sdn. Bhd. telah digantung operasinya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan keupayaan SRC International Sdn. Bhd. untuk membuat bayaran balik adalah diragui.
- c. Pinjaman syarikat 1Malaysia Development Sdn. Bhd. berjumlah RM27.210 bilion yang berbangkit daripada *Letter of Support* dan *Settlement Agreement* oleh Kerajaan turut dilaporkan sebagai komitmen jaminan.

#### **10.2.2. Komitmen Pajakan Kewangan**

- a. Komitmen pajakan kewangan terjadi daripada pelaksanaan Projek Kerjasama Sektor Awam – Swasta (PPP) di bawah pengurusan dan pemantauan Unit Kerjasama Awam Swasta. Pelaporan komitmen pajakan terbahagi kepada dua (2) iaitu pajakan kewangan Kerajaan Persekutuan dan pajakan kewangan badan berkanun. Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan mempunyai obligasi untuk membuat bayaran terhadap semua perjanjian pajakan yang terlibat.
- b. Bayaran bagi perjanjian PPP terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu bayaran pajakan, bayaran caj penyelenggaraan dan bayaran caj penggantian aset bagi tempoh masa sehingga 25 tahun. Bagaimanapun, bagi tujuan pelaporan, Kerajaan hanya melaporkan komitmen bagi bayaran

pajakan yang telah mengambil kira faktor kadar diskau semasa. Pada tahun kewangan 2018, kedudukan komitmen pajakan adalah berjumlah RM31.518 bilion meliputi kos pajakan bagi 137 bangunan Kerajaan Persekutuan, 33 bangunan universiti dan satu (1) kompleks perikanan. Pecahan projek PPP adalah seperti dalam **Jadual 2.52**.

**JADUAL 2.52**  
**PECAHAN PROJEK PPP**

BIL.	KATEGORI PAJAKAN	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kerajaan Persekutuan	20,008.61	21,302.26	-1,293.65	-6.1
2.	Badan Berkanun	11,509.27	12,119.68	-610.41	-5.0
<b>JUMLAH</b>		<b>31,517.88</b>	<b>33,421.94</b>	<b>-1,904.06</b>	<b>-5.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018

### 10.2.3. Komitmen Bayaran Balik Cukai

Komitmen bayaran balik cukai adalah obligasi Kerajaan untuk membuat bayaran balik cukai yang telah dibayar oleh Orang Kena Cukai. Sebanyak tiga (3) jenis cukai yang melibatkan bayaran balik iaitu Cukai Pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Cukai Barang dan Perkhidmatan. Kedudukan komitmen bayaran balik cukai adalah seperti dalam **Jadual 2.53**.

**JADUAL 2.53**  
**KEDUDUKAN KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI**

BIL.	BUTIRAN CUKAI	KEDUDUKAN KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI (RM JUTA)		PERUBAHAN	
		2018	2017	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Pendapatan	17,943.93	15,949.99	1,993.94	12.5
2.	Cukai Keuntungan Harta Tanah	492.51	444.86	47.65	10.7
3.	Cukai Barang dan Perkhidmatan	25,936.15	17,864.38	8,071.67	45.2
<b>JUMLAH</b>		<b>44,372.59</b>	<b>34,259.23</b>	<b>10,113.36</b>	<b>29.5</b>

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

### 10.2.4. Komitmen Pampasan

Komitmen pampasan adalah obligasi bayaran pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi Lebuhraya. Bagi tahun 2018, amaun komitmen pampasan yang dilaporkan adalah berjumlah RM2.170 bilion. Pecahan komitmen bayaran pampasan adalah seperti dalam **Jadual 2.54**.

### JADUAL 2.54

#### KOMITMEN BAYARAN PAMPASAN KEPADA SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA

BIL.	JENIS PAMPASAN	AMAUN (RM Juta)
1.	Pemansuhan Tol Batu Tiga, Sungai Rasau, dan Bukit Kayu Hitam	856.24
2.	Penangguhan Kenaikan kadar Tol Tahun 2016 dan 2017	839.03
3.	<i>Reimbursable Interest Assistance</i> kepada Setiawangsa-Pantai Expressway	460.00
4.	Diskaun Tol Luar Waktu Puncak Bagi Linkedua	14.34
5.	Diskaun Sempena Aidilfitri 2018	0.18
<b>JUMLAH</b>		<b>2,169.79</b>

Sumber: Kementerian Kerja Raya

### 10.3. Memorandum Liabiliti – Pelbagai Liabiliti

Pelbagai liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada 31 Disember 2018, Pelbagai Liabiliti adalah berjumlah RM786.19 juta iaitu meningkat sejumlah RM59.86 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM726.33 juta. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 2.55**.

### JADUAL 2.55

#### PELBAGAI LIABILITI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017

BIL.	BUTIRAN	BAKI PADA 31.12.2018 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Nota Kena Bayar	744.86	685.91	58.95	8.6
2.	Sekuriti Tak Dituntut	27.33	26.42	0.91	3.4
3.	Akaun Depositori Pusat	14.00	14.00	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>786.19</b>	<b>726.33</b>	<b>59.86</b>	<b>8.2</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 dan 2017

### 11. LIABILITI LUAR JANGKA – JAMINAN BERKANUN

11.1. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada caruman atau deposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji. Mulai tahun 2018, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional turut dilaporkan sebagai salah satu item Liabiliti Luar Jangka. Pada akhir tahun 2018, caruman atau deposit yang dijamin adalah berjumlah RM944.595 bilion.


11.2. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada akhir tahun 2018, amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi lima (5) badan berkanun dan 29 syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah

RM28.277 bilion atau 11.9% kepada RM266.468 bilion berbanding RM238.191 bilion pada akhir tahun 2017.

11.3. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan peningkatan adalah pinjaman oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dengan kenaikan sejumlah RM6.250 bilion atau 54.3%, DanaInfra Nasional Berhad dengan kenaikan sejumlah RM12.480 bilion atau 25%, Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. sejumlah RM4.370 bilion atau 30.2% dan Prasarana Malaysia Berhad dengan kenaikan sejumlah RM4.800 bilion atau 18%. Peningkatan pinjaman antaranya bagi membiayai projek infrastruktur awam iaitu Lebuhraya Pan-Borneo Sarawak, Laluan Rel Pantai Timur dan penyelenggaraan infrastruktur serta operasi Transit Aliran Ringan (LRT) kendalian syarikat Rapid KL.

11.4. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, GoVco Holdings Berhad dan Khazanah Nasional Berhad menunjukkan penurunan dalam amaun jaminan berikutan bayaran balik pinjaman yang telah matang masing-masing sejumlah RM2.500 bilion, RM1.500 bilion dan RM2 bilion. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2018 dan empat (4) tahun sebelumnya adalah seperti dalam **Carta 2.14**.

**CARTA 2.14**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2018**



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 hingga 2018



*"Adalah dicadangkan agar ditetapkan had siling jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat bagi mengelakkan bebanan komitmen tambahan kepada Kerajaan jika badan berkanun atau syarikat menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi hutangnya."*

## **12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

### **12.1. RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2018 adalah seperti berikut:

- a. Hasil adalah berjumlah RM232.883 bilion iaitu meningkat sejumlah RM12.476 bilion atau 5.7% berbanding tahun 2017.
- b. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan adalah berjumlah RM287.055 bilion iaitu meningkat sejumlah RM24.477 bilion berbanding tahun 2017.
- c. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM53.385 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada paras 3.7%.
- d. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negara berjumlah RM131.599 bilion bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan bayaran balik hutang.
- e. Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM741.049 bilion dengan nisbah hutang kepada KDNK pada paras 51.8%.
- f. Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun atau syarikat berjumlah RM266.468 bilion.
- g. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) meningkat kepada RM30.547 bilion pada tahun 2018.
- h. Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat atau badan berkanun atau agensi adalah berjumlah RM31.058 bilion.
- i. ABT Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM86.935 bilion yang terdiri daripada Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.
- j. Kedudukan keseluruhan hutang awam dan komitmen kewangan Kerajaan adalah berjumlah RM 1.021 trilion.

## **12.2. SYOR AUDIT**

Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat Kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

- 12.2.1. Pemantauan dipertingkatkan terhadap pembayaran di bawah AP58(a) bagi memastikan peruntukan tahun semasa dapat dioptimumkan penggunaannya untuk mencapai objektif yang ditetapkan.
- 12.2.2. Pemantauan yang rapi terhadap prestasi projek pembangunan termasuk pelaksanaan projek di bawah PFI bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut perancangan supaya peruntukan yang diluluskan digunakan secara optimum. Perkara ini timbul memandangkan Kerajaan menanggung kos pinjaman yang tinggi bagi membiayai projek tersebut.
- 12.2.3. Kementerian Kewangan perlu membentangkan anggaran pinjaman baharu yang akan dibuat bagi menampung bayaran balik prinsipal hutang semasa pembentangan bajet mengurus dan pembangunan di Parlimen. Langkah ini adalah bagi meningkatkan ketelusan dalam pengurusan kewangan Kerajaan.
- 12.2.4. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan, setiap kementerian atau jabatan perlu mengkaji semula keberkesanan usaha mengutip balik ABT terutama tunggakan yang tertakluk di bawah Akta Had Masa bagi mengelakkan tunggakan tersebut dihapus kira.
- 12.2.5. Kerajaan hendaklah menetapkan had siling jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat untuk mengelakkan komitmen Kerajaan semakin bertambah sekiranya badan berkanun atau syarikat menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasinya.
- 12.2.6. Kerajaan perlu melaksanakan pengurusan risiko terhadap elemen hutang, liabiliti kewangan, pelaburan dan perbelanjaan bagi menjamin kelestarian kedudukan kewangan Kerajaan.



A vertical black line descends from the top center, ending in a small black dot above the word "PENUTUP".

# PENUTUP



## PENUTUP

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 16 April 2019. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Kerjasama dari semua peringkat termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan berterusan yang efektif di peringkat Kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Penyediaan prosedur kerja yang jelas, pemahaman dan pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

- a.** Kerajaan Persekutuan disarankan meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber, mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengurangkan tunggakan hasil dan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut serta membuat bayaran balik/hutang mengikut jadual yang ditetapkan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berada dalam keadaan lebih kukuh.
- b.** Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan. Sistem *check and balance* dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai, termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai.

- c. Keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam di kementerian/jabatan perlu dipertingkatkan. Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan rancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
03 Oktober 2019



A vertical black line descends from the top center, ending in a small black dot above the word "AKRONIM".

**AKRONIM**



# AKRONIM

<b>ABT</b>	Akaun Belum Terima
<b>AIM</b>	Amanah Ikhtiar Malaysia
<b>AP</b>	Arahan Perbendaharaan
<b>DBKL</b>	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
<b>EFT</b>	Pindahan Dana Elektronik
<b>eSPKB</b>	Sistem Pengurusan Kewangan Bersepadu
<b>eTerimaan</b>	Sistem Perakaunan Terimaan Kerajaan
<b>EXIM Bank</b>	Export-Import Bank Of Malaysia Berhad
<b>FELCRA</b>	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
<b>GST</b>	Cukai Jualan Dan Perkhidmatan
<b>GFMAS</b>	Government Financial & Management System
<b>iGFMAS</b>	Integrated Government Financial & Management System
<b>IWK</b>	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
<b>JANM</b>	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
<b>LPPSA</b>	Lembaga Pembentukan Perumahan Sektor Awam
<b>LRT</b>	Transit Aliran Ringan
<b>KDNK</b>	Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>KETENGAH</b>	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
<b>KESEDAR</b>	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
<b>KLN</b>	Kementerian Luar Negeri
<b>KOBENA</b>	Koperasi Belia Nasional Berhad
<b>KPBNP</b>	Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KTMB</b>	Keretapi Tanah Melayu Berhad
<b>KWAP</b>	Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan
<b>KWSP</b>	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
<b>KWTPPP</b>	Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan
<b>LPK</b>	Lembaga Pelabuhan Kelang
<b>MKD</b>	Menteri Kewangan Diperbadankan
<b>MOA</b>	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
<b>MOCCIS</b>	Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad
<b>MITI</b>	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
<b>PAK</b>	Perbadanan Aset Keretapi
<b>PFI</b>	Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta
<b>PFI II</b>	Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta
<b>PPP</b>	Projek Kerjasama Sektor Awam – Swasta
<b>RMKe-11</b>	Rancangan Malaysia Kesebelas
<b>TEKUN</b>	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
<b>RISDA</b>	Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
<b>SESB</b>	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
<b>Sdn. Bhd.</b>	Sendirian Berhad
<b>SPP II</b>	Sistem Pemantauan Projek II
<b>SPV</b>	Special Purpose Vehicle
<b>SSPN-i</b>	Skim Simpanan Pendidikan Nasional
<b>YaPEIM</b>	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
<b>YASAL</b>	Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi





# LAMPIRAN



## LAMPIRAN 1

### Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018



#### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

##### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

###### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

###### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

###### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### ***Emphasis of Matter***

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Nota 5(b) kepada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 berkaitan dengan bayaran balik pinjaman yang dijamin kepada lima (5) syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berjumlah RM2.839 bilion. Jaminan Kerajaan terhadap pinjaman yang diperoleh lima (5) syarikat berjumlah RM76.075 bilion telah diluluskan sebelum tahun 2018 oleh Pentadbiran terdahulu. Setakat 31 Disember 2018, pinjaman ini masih berbaki RM66.341 bilion yang akan matang sehingga tahun 2041 kecuali satu pinjaman berbaki RM94.38 juta yang akan tamat pada tahun 2019.

Pada tahun 2018, Kerajaan telah mendahulukan sebahagian bayaran balik pinjaman yang dijamin dan matang berjumlah RM2.839 bilion bagi pihak syarikat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, RM1.753 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran terdahulu manakala sejumlah RM1.086 bilion telah dibayar oleh Pentadbiran semasa. Pentadbiran semasa telah meneruskan komitmen ini bagi mengelakkan *event of default* yang boleh mengakibatkan obligasi bayaran balik keseluruhan pinjaman oleh Kerajaan. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, syarikat mempunyai obligasi untuk membuat bayaran balik kepada Kerajaan keseluruhan bayaran yang telah didahulukan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, keupayaan kelima-lima syarikat untuk membayar balik pendahuluan yang telah diberi tidak dapat dipastikan.

Memandangkan Kerajaan diberi kuasa untuk memberikan jaminan pinjaman di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, maka satu dasar perlu ditetapkan merangkumi had siling jaminan Kerajaan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan keupayaan kewangan syarikat serta daya maju projek yang akan dibiayai oleh syarikat. Dasar ini boleh membantu dalam mengawal penambahan bebanan hutang Kerajaan Persekutuan.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan**

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Persekutuan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kewangan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Kewangan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit;
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran yang saksama.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Persekutuan telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta.

#### **Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

*[Signature]*  
**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
3 Oktober 2019

4 / 4



**LAMPIRAN 2**

**Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir  
31 Disember 2018**



## KANDUNGAN

---

### PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

#### PENYATA KEWANGAN

	Muka Surat
i. Penyata Kedudukan Kewangan	5
ii. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6
iii. Penyata Prestasi Kewangan	8
iv. Penyata Akaun Memorandum	9
v. Nota Kepada Penyata Kewangan	13-26

#### LAMPIRAN KEPADA NOTA

Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus	30-166
Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan	171-206
Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	210-212
Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	216-219
Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Persekutuan	223-226
Lampiran 6 - Penyata Akaun Memorandum Komitmen Jaminan	230
Lampiran 7 - Penyata Akaun Memorandum Pajakan Kewangan	234
Lampiran 8 - Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun	238

## **PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018.

  
DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

9 April 2019

  
DATUK SAAT BIN ESA  
Akauntan Negara Malaysia

9 April 2019



## PENYATA KEWANGAN

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2018**

<i>Nota</i>	2018		2017	
	<i>RM</i>		<i>RM</i>	
<b>WANG AWAM</b>				
WANG TUNAI	3	23,647,599,864	18,064,128,458	
PELABURAN	4	29,262,457,181	24,120,303,376	
		<b>52,910,057,045</b>	<b>42,184,431,834</b>	
<b>DIPEGANG BAGI : KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>				
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086	
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	15,224,123,149	33,482,397,941	
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	25,822,806,810	(3,161,093,193)	
		<b>52,910,057,045</b>	<b>42,184,431,834</b>	

*Note-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	2018		2017	
	RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>				
<b>Hasil</b>	<b>8</b>			
Hasil Cukai	174,060,593,259		177,658,495,456	
Hasil Bukan Cukai	51,106,244,812		39,505,138,495	
Terimaan Bukan Hasil	6,036,758,532		1,743,795,825	
Hasil Wilayah Persekutuan	1,490,740,484	232,694,337,087	1,250,782,606	220,158,212,382
<b>Pinjaman</b>				
Dalam Negeri	131,563,680,686		129,185,006,669	
Luar Negeri	—	131,563,680,686	—	129,185,006,669
<b>Bantuan Luar Negeri</b>				
Pinjaman Multilateral	—		—	
Pinjaman Bilateral	35,737,126	35,737,126	62,877,885	62,877,885
<b>Terimaan Modal</b>				
Terimaan Balik Pinjaman	761,819,515		785,821,218	
Pelbagai Terimaan Modal	11,363,008	773,182,523	1,066,363,990	1,852,185,208
<b>Terimaan Amanah</b>				
Inisiatif Pembiayaan Swasta	149,094,515		23,329,265	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	9,213,141,759		11,328,562,739	
Pelbagai	8,472,183,766	17,834,420,040	333,389,570	11,685,281,574
<b>Jumlah Terimaan</b>		382,901,357,462		362,943,563,718

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (*sambungan*)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	2018		2017	
	RM	RM	RM	RM
<b>BAYARAN</b>				
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>				
Emolumen	79,988,967,837		77,036,397,423	
Perkhidmatan dan Bekalan	35,282,570,327		34,738,181,762	
Aset	447,395,520		515,692,603	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	112,888,210,273		103,025,278,025	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	<u>1,076,875,295</u>	229,684,019,252	<u>1,014,832,506</u>	216,330,382,319
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>				
Langsung	54,405,363,219		42,276,425,979	
Pinjaman	<u>1,690,092,443</u>	56,095,455,662	<u>2,607,412,854</u>	44,883,838,833
<b>Pinjaman</b>				
Dalam Negeri	77,136,483,161		88,452,608,728	
Luar Negeri	<u>—</u>	77,136,483,161	<u>—</u>	88,452,608,728
<b>Bantuan Luar Negeri</b>				
Pinjaman Multilateral	82,490,028		104,016,883	
Pinjaman Bilateral	<u>273,378,370</u>	355,868,398	<u>300,553,353</u>	404,570,236
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Pembelian Instrumen Kewangan	<u>5,142,153,805</u>	5,142,153,805	<u>810,431,350</u>	810,431,350
<b>Perbelanjaan Amanah</b>				
Inisiatif Pembiayaan Swasta	185,579,633		97,116,854	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	<u>8,718,326,145</u>	8,903,905,778	<u>9,963,948,632</u>	10,061,065,486
<b>Jumlah Bayaran</b>		<u>377,317,886,056</u>		<u>360,942,896,952</u>
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai		5,583,471,406		2,000,666,766
Wang Tunai Pada 1 Januari		18,064,128,458		16,063,461,692
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>		<u>23,647,599,864</u>		<u>18,064,128,458</u>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

		2018		2017
		Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
<b>HASIL</b>	5	236,460,319,000	232,882,562,288	220,406,001,884
<i>Tolak :</i>				
Belanja Mengurus	5	232,441,190,280	230,960,492,668	217,695,192,668
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL</b>		<u>4,019,128,720</u>	<u>1,922,069,620</u>	<u>2,710,809,216</u>
<i>Tolek :</i>				
Belanja Pembangunan	7	46,499,323,510	56,095,455,662	44,883,838,833
<b>KURANGAN KESELURUHAN</b>		<u>(42,480,194,790)</u>	<u>(54,173,386,042)</u>	<u>(42,173,029,617)</u>
 <b>KURANGAN DIBIAYAI OLEH:</b>				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		54,107,066,253	40,390,705,590
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		788,182,523	1,852,185,208
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(721,862,734)	(69,861,181)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<u>54,173,386,042</u>	<u>42,173,029,617</u>	

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

## PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2018

	<i>Nota</i>	2018 <i>RM</i>	2017 <i>RM</i>
<b>MEMORANDUM ASET</b>	<b>9</b>		
Akaun Belum Terima		86,934,779,072	88,743,176,980
Pelaburan		31,058,227,719	30,907,727,719
<b>Jumlah Aset</b>		<b>117,993,006,791</b>	<b>119,650,904,699</b>
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	<b>10</b>		
Hutang Persekutuan		741,048,714,484	686,836,648,477
Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta		36,416,442,980	35,462,452,983
Komitmen Kewangan		242,968,745,211	214,269,652,456
Pelbagai Liabiliti		786,190,452	726,330,018
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,021,220,093,127</b>	<b>937,295,083,934</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

# **NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## **DASAR DAN KAEAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

### **1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluaran dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk Perbelanjaan Tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagikan kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahanan seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai terimaan tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaunkan urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, untung rugi pelaburan, hapuskira pinjaman daripada akaun amanah dan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia. Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi buliran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa buliran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

### **2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenal pasti yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
<b>WANG TUNAI</b>		
Wang Tunai Dalam Bank	22,212,752,569	16,663,516,979
Wang Tunai Dalam Perjalanan	1,431,980,775	1,397,584,959
Wang Tunai Dalam Tangan	2,866,520	3,026,520

### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku iaitu termasuk amaun pelunasan, sekiranya ada.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan yang melibatkan Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri adalah pegangan instrumen hutang yang dikeluarkan oleh entiti terbabit. Manakala pelaburan dalam bentuk Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri, Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri adalah merupakan pegangan ekuiti.

Pada tahun 2017, Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri dilaporkan di bawah kategori Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia. Mulai tahun 2018, Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri telah dilaporkan secara bersasingan. Nilai perbandingan bagi tahun 2017 untuk Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia telah dinyatakan semula dari RM3,360,920,452 kepada RM796,055,739 dan RM2,564,864,713 telah dinyatakan di bawah Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri.

Pelaburan pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

	2018 Nilai Buku		2017 Nilai Buku	
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
<b>PELABURAN</b>	<b>29,262,457,181</b>			<b>24,120,303,376</b>
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	1,172,457,188	-	6,752,198,170	-
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	2,124,457,690	-	796,055,739	-
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	6,827,402,898	-	2,564,864,713	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,014,796,137	-	676,753	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,717,761,577	440,108,058	6,717,761,577
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	286,053,195	-	-	-
